



# LAPORAN TAHUNAN

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

# 2018

PENERAJU PUSAT KECEMERLANGAN PENCEGAHAN RASUAH

**PENAUNG**

TPj Dato' Hj. Idris bin Zaharudin

**PENASIHAT**

P/PKPj Irawan bin Khilir

**KETUA PENGARANG**

PsK Abdul Malek bin Abdullah

**PENGARANG**

Pn Norul Hazlina binti Mohamed Atar

**EDITOR**

P/PsK Firdaus bin Umar@Adli  
P/Ps Wan Mohd Shukry bin Wan Ahmad  
Pn. Ayunawati Aminah binti Abdul Majid

**PEREKA GRAFIK**

PPs (K) Nur Shahida Azlin binti Mohamad Dee  
Pn. Noor Hayati binti Yusoff

**PENYUMBANG BAHAN**

En. Mohd Shahril Izwan bin Jamaluddin  
Pn. Suryana binti Sulaihin  
Pn. Hairulnisak binti Kassim  
En. Saidin Omar bin Muchlis



# KANDUNGAN

## **PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA SPRM**

i

## **MUTIARA KATA TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (PENGURUSAN & PROFESIONALISME) SPRM**

ii

## **PERUTUSAN PENGARAH MACA**

iii

## **MAKLUMAT KORPORAT**

1

Ringkasan Eksekutif

Visi & Misi

Objektif

Piagam Pelanggan

Kumpulan Sasaran

Carta Organisasi & Kepimpinan MACA

|                                  |       |
|----------------------------------|-------|
| Ketua Pesuruhjaya                | KPj   |
| Timbalan Ketua Pesuruhjaya       | TKPj  |
| Pesuruhjaya                      | Pj    |
| Timbalan Pesuruhjaya             | TPj   |
| Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya | KPKPj |
| Penolong Kanan Pesuruhjaya       | PKPj  |
| Penolong Pesuruhjaya             | PPj   |
| Penguasa Kanan                   | PsK   |
| Penguasa                         | Ps    |
| Ketua Penolong Kanan Penguasa    | KPKPs |
| Penolong Kanan Penguasa          | PKPs  |
| Penolong Penguasa                | PPs   |

|   |            |
|---|------------|
| <b>PENCAPAIAN</b>   | <b>13</b>  |
| <b>ANTARABANGSA</b>                                       | <b>27</b>  |
| <b>AKADEMIK</b>   | <b>39</b>  |
| <b>INTEGRITI</b>  | <b>51</b>  |
| <b>MODAL INSAN</b>  | <b>65</b>  |
| <b>PENGURUSAN</b>   | <b>89</b>  |
| <b>KELAB KEBAJIKAN &amp; REKREASI MACA/<br/>PUSPANITA</b> | <b>101</b> |
| <b>IMBASAN</b>  | <b>111</b> |



**Puan Latheefa Koya**

**Ketua Pesuruhjaya**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّاتِهِ  
**Salam Sejahtera**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini berdiri megah menjunjung amanah dan maruah bangsa dan negara. Sprm sebagai agensi tunggal yang diberi mandat undang-undang untuk mencegah rasuah sentiasa kekal bebas dalam melaksanakan tanggungjawab dengan penuh profesional dan telus.

Dalam dunia yang serba maju dan berteknologi tinggi ini, jenayah rasuah turut menjadi semakin kompleks dan sukar dibendung. Rasuah adalah seumpama ‘api dalam sekam’ yang pasti akan menghakis keadilan dan nilai-nilai murni serta menggugat kesejahteraan yang mungkin membina sakan negara sekiranya dibiarkan. Justeru, slogan ‘Rasuah Dihina, Maruah Dibina’ telah diperkenalkan sempena sambutan Ulang Tahun ke-51 Penubuhan Badan Pencegah Rasuah Malaysia (BPR)/SPRM pada 1 Oktober 2018 lalu.

Peranan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang diibaratkan sebagai sebuah ‘tapak semai’ modal insan berintegriti tinggi telahpun membuktikan komitmen dan kesungguhan institusi ini sebagai tulang belakang menyokong SPRM dalam usaha untuk mengembalikan negara ini bermaruah tanpa rasuah. Saya percaya, MACA sentiasa berusaha memenuhi keperluan semasa prospek pelanggannya bagi menyediakan program-program latihan yang kekal relevan dalam perjalanan memerangi rasuah di semua peringkat dan lapisan masyarakat dengan matlamat utama untuk merealisasikan aspirasi dan harapan rakyat agar Malaysia bebas daripada cengkaman rasuah dan salah guna kuasa.

Tanggungjawab murni menentang penularan jenayah rasuah dan salah guna kuasa tidak seharusnya digalas oleh SPRM sahaja. Usaha ini haruslah digembleng bersama-sama oleh sektor awam, sektor swasta, NGO dan masyarakat untuk menolak, membenci dan memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa secara total. Tugas ini sesungguhnya tidak mudah, namun ia bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan.

Justeru, SPRM melalui MACA membuka pintu seluas-luasnya kepada organisasi pelbagai peringkat untuk menimba ilmu pengetahuan dan tadbir urus terbaik bagi menutup setiap ruang dan peluang yang menjurus kepada penularan jenayah rasuah di dalam organisasi masing-masing dengan menyertai program-program latihan sedia ada atau yang direka khusus mengikut keperluan organisasi.

Harapan saya, semoga SPRM dan MACA khususnya terus dipayungi rahmat dan restu yang maha esa dalam usaha untuk menentang kebatilan demi memelihara khazanah anak bangsa, insyaallah.



*"Pembangunan modal insan amat penting dalam melahirkan tenaga kerja yang berwibawa dan berdedikasi. Terdapat 5 perkara yang perlu diitik beratkan iaitu ilmu, kemahiran, pengalaman, keupayaan, moral dan etika. Kelima-lima aspek ini adalah bertujuan untuk melahirkan pegawai dan kakitangan yang boleh memajukan diri, organisasi serta Negara. Sebagai pegawai dan kakitangan SPRM, kita semestinya menjadi 'role model' terbaik daripada segi cara kerja, etika dan pembudayaan nilai murni."*

#### Majlis Perasmian Program Pemantapan Integriti:

Personnel Empowerment

25 Oktober 2018

### TKPj Dato' Ja'afar Bin Mahad

Timbalan Ketua Pesuruhjaya  
(Pengurusan dan Profesionalisme)  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan izinNya, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia ternyata cemerlang menelusuri tahun 2018 dengan pelbagai pencapaian yang membanggakan dan berjaya menghasilkan naskah Laporan Tahunan MACA 2018 ini.

Sebagai sebuah Institut Latihan Awam (ILA) yang bertanggungjawab membangunkan modal insan yang berintegriti, MACA sentiasa optimis menyusun perancangan rapi bagi mencapai pelan strategik yang dilakar SPRM. Selain menyediakan kerjasama pengajian di peringkat antarabangsa dengan Nottingham Trent University, United Kingdom untuk pegawai SPRM lantikan baharu, MACA turut menyediakan ruang dan peluang kepada warga SPRM yang sedang berkhidmat bagi meningkatkan taraf pendidikan mereka ke peringkat yang lebih tinggi dengan mengadakan kerjasama dengan Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta tempatan bagi menyambung pengajian.

Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di MACA, tenaga pengajar SPRM juga diberikan pendedahan dengan menghadiri program-program latihan daripada agensi luar yang diiktiraf dan sekaligus menerima pentaulahan sebagai tenaga pengajar pakar. Hasrat kerajaan dalam menyebar luas mesej antirasuah dalam kalangan agensi awam dan swasta turut disambut baik oleh MACA dengan membuka pintu seluas-luasnya dalam menyediakan program latihan mengikut keperluan semasa agensi-agensi tersebut.

Selama 13 tahun MACA telah berdiri teguh sebagai tunjang yang mendukung aspirasi SPRM, sudah banyak keringat yang mengalir bagi menghasilkan produk pencegahan rasuah yang tidak ternilai harganya. Justeru, khazanah ini perlu dipelihara dan dipatenkan agar tidak sewenang-wenangnya dirampas dah disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Harapan saya agar MACA terus teguh sebagai sebuah pusat kecemerlangan pencegahan rasuah serantau yang menjadi tunjang kebersamaan SPRM demi menjamin kesejahteraan rakyat Malaysia seluruhnya. Semoga segala usaha dan perjuangan ini diper mudahkan olehNya.



**TPj Dato' Hj. Idris  
Bin Zaharudin**

Pengarah MACA



**MAKLUMAT  
KORPORAT**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Tahun 2018 merupakan tahun yang amat mencabar bagi SPRM sekaligus memberi tempias kepada MACA yang berada di bawah naungannya. Pilihan Raya Umum (PRU) ke 14 pada 9 Mei 2018 telah merubah lanskap pemerintahan Malaysia apabila Pakatan Harapan berjaya memenangi PRU seterusnya membentuk kerajaan Malaysia yang baharu. Walaupun tumpuk pemerintahan kerajaan telah bertukar tangan, SPRM tetap teguh menjunjung integriti dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab membanteras jenayah rasuah dan salahguna kuasa tanpa kompromi.

## KOLABORASI PENGAJIAN UNTUK PEGAWAI SPRM

Menjadi aspirasi SPRM dan MACA khasnya, untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan warganya, terutamanya pegawai SPRM.

Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM-NTU yang telahpun terlaksana pada tahun 2018 dengan pengambilan seramai 135 kadet berjawatan Penolong Penguasa SPRM Gred P29 bagi program *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5) Cohort I*. Program tersebut bakal disusuli dengan pengambilan kadet berjawatan Penguasa SPRM Gred P41 bagi program *Postgraduate Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership (Level 7) Cohort I* pada tahun berikutnya. Program ini turut merangkul Anugerah Khas iaitu Anugerah Emas Ketua Pesuruhjaya pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017 yang telah diadakan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada 30 Mac 2018.

Bagi pegawai SPRM yang sedang berkhidmat, amalan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat terus diberi keutamaan apabila SPRM dengan kerjasama University Malaya Centre For Continuing Education (UMCCed) telah membuka ruang kepada 25 orang pegawai SPRM yang telah mendaftar untuk menyambung pengajian Diploma Eksekutif Pengurusan (Pentadbiran dan Operasi) di kampus-kampus terdekat UMCCed seluruh Malaysia mulai 22 September 2018.

## PEMBENTUKAN PASUKAN KEPIIMPINAN SPRM DAN PENTAUILAHAN TENAGA PENGAJAR MACA

Dalam usaha untuk melahirkan pemimpin yang mempunyai identiti utuh sebagai pegawai SPRM, amatlah sukar apabila MACA perlu berharap kepada konsultan luar yang tidak sepenuhnya memahami keperluan dan kehendak SPRM. Justeru, hasrat untuk mempunyai pasukan kepimpinan MACA telah terzahir dengan pembentukan pasukan *The True Colors* yang kini menerajui program-program latihan kepimpinan untuk pegawai SPRM gred P41 hingga P48.

Di samping itu, pegawai-pegawai SPRM yang berpengalaman dan sering menyampaikan ceramah serta menjadi tenaga pengajar di MACA turut diberi pentaulahan dengan menghadiri program latihan anjuran ITD World yang memberi pengiktirafan "Certified Training Professional" (CTP) dan "Certified Coaching and Mentoring Professional" (CCMP). Sijil tersebut juga turut diiktiraf oleh *International Coach Federation (ICF)*.



## KHAZANAH MACA DIPELIHARA

Secara umumnya, ilmu pengetahuan mempunyai potensi untuk dimanfaatkan demi kebaikan manusia sejagat. Ilmu adalah hasil daripada kajian dan bukanlah sesuatu yang direka-reka. MACA merupakan gedung ilmu utama bagi sumber maklumat yang berkaitan dengan pencegahan rasuah dan salahguna kuasa. Dalam usaha untuk menghasilkan modul-modul pembelajaran untuk program-program latihan di MACA, berbagai proses kajian, perbincangan dan pembangunan modul dilaksanakan yang melibatkan banyak pihak. Justeru, adalah amat kritikal untuk mendapatkan Hak Cipta modul-modul yang telah dihasilkan dengan perit jerih warga MACA terdahulu agar tidak dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang mengambil jalan singkat untuk ke hadapan.

Hari ini, Modul Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Sektor Awam telah pun menerima Sijil Pemberitahuan Hak Cipta (Copyright). Modul Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Sektor Swasta pula telahpun diluluskan dan bakal menerima sijil yang sama serta akan disusuli dengan produk-produk MACA yang lain.

## TAWAR PROGRAM LATIHAN KEPADA AGENSI SWASTA DAN GLC

Seiring dengan perkembangan teknologi dunia, jenayah rasuah dan salahguna kuasa juga menjadi semakin kompleks dan sukar dibendung. Sebagai menyahut seruan kerajaan, SPRM melalui MACA membuka pintu kepada agensi-agensi daripada sektor swasta dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) untuk menyebarkan luas maklumat berkaitan jenayah tersebut.

Tahun 2018 merupakan titik permulaan yang mana MACA menyediakan program seminar untuk agensi swasta dan GLC mengenai Seksyen 17A Akta SPRM 2009. Ia memberi tumpuan kepada liabiliti korporat dan implikasinya terhadap cara mereka menjalankan perniagaan. Antara lainnya ia menyebut bahawa mana-mana organisasi komersil yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini hendaklah apabila disabitkan boleh dikenakan denda atau atau dipenjarakan.

Selain itu, beberapa program latihan berkaitan operasi penguatkuasaan seperti bidang siasatan, perisikan dan perundungan turut ditawarkan kepada agensi swasta dan GLC. Antara agensi yang telahpun menjalankan program latihan dengan MACA ialah Felda Global Ventures (FGV), Filem Nasional (FINAS), SWCorp dan banyak lagi.



## ASPIRASI MACA 2019

Tahun 2019 pastinya membawa bukan sedikit cabaran kepada MACA dan SPRM amnya. Kemajuan dan era globalisasi kini menyebabkan usaha untuk membanteras jenayah rasuah dan salahguna kuasa menjadi semakin kompleks. Justeru, MACA memikul tanggungjawab yang semakin besar dalam mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bidang berkaitan pencegahan rasuah melalui pelbagai cabang ilmu.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan ilmu dalam bidang pencegahan rasuah dalam kalangan Pegawai SPRM, kapabiliti tenaga pengajar untuk program-program latihan di MACA juga perlulah yang terbaik. Oleh itu, MACA mensasarkan untuk melahirkan tenaga pakar pencegahan rasuah dalaman dan luaran. Tenaga pakar dalaman dibentuk melalui program pentauliahan dan pensijilan program-program profesional yang dikendalikan secara dalaman SPRM. Manakala tenaga pakar pencegahan rasuah luaran pula akan dipertingkatkan melalui program pentauliahan dan pensijilan program-program profesional yang dikendalikan secara luaran SPRM dan ditauliahkan dengan sijil pentauliahan pengiktirafan program professional oleh agensi yang terlibat. Sehingga kini, MACA telah melahirkan tenaga pakar dalaman melalui pelaksanaan program latihan Pegawai Integriti Bertauliah (CeLO). Pembentukan pasukan kepimpinan “The True Colors” pada 2018 yang telah mula melaksanakan latihan kepimpinan (*leadership training*) untuk pegawai SPRM gred P48 ke bawah mengikut acuan SPRM sendiri.

Sehingga tahun 2018, MACA telahpun mengorak langkah untuk melonjakkan tahap pendidikan warga SPRM seluruhnya dengan membuka ruang dan peluang kepada mereka untuk meningkatkan taraf pendidikan dan ilmu pengetahuan masing-masing dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara yang diiktiraf. Kesinambungan itu akan diteruskan pada tahun 2019 dengan mengikat kerjasama dengan lebih banyak IPTA dan PTS di Malaysia.

Di samping itu, bagi meneruskan usaha untuk mengembangkan ilmu pengetahuan ke peringkat antarabangsa, 2019 bakal menyaksikan pelaksanaan program *Post Graduate Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership Level 7* yang dikhushuskan untuk lantikan baru Pegawai SPRM Gred P41 memulakan pengajaran. Sebagai langkah pertama, Ujian Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera dan Kecergasan 2019 bakal diadakan bagi memilih calon-calon yang layak untuk disenarai pendek dan seterusnya melalui beberapa tapisan lagi sebelum terpilih menjalani latihan intensif di MACA selama 9 bulan.

MACA sentiasa optimis untuk mencapai aspirasinya demi menyokong usaha SPRM menyediakan persekitaran yang kondusif dan terhindar daripada gejala rasuah serta bebas menikmati hasil pembangunan negara bersama-sama.



- 1** Menerajui modal insan pembangunan SPRM, secara dinamik, progresif dan berterusan;
- 2** Meningkatkan kapasiti dan kapabiliti sektor awam dan swasta dalam usaha pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari; and
- 3** Menjalin rangkaian perkongsian strategik di peringkat antarabangsa melalui program pencegahan rasuah



## PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji merancang dan melaksanakan program latihan yang berkualiti dan menepati keperluan pelanggan dengan:


- Menyampaikan maklumat program latihan kepada pelanggan sekurang-kurangnya dua (2) minggu untuk program domestik dan tiga (3) bulan bagi program antarabangsa sebelum kursus bermula;
- Melaksanakan sekurang-kurangnya 90% daripada program latihan yang dirancang setiap tahun;
- Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) kajian setahun;
- Menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan setahun;
- Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) konsultasi berbentuk latihan setahun;
- Menyediakan laporan penilaian program latihan selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tamat program; dan
- Memastikan penyampaian penceramah program latihan mendapat penilaian tidak kurang daripada lapan puluh (80) peratus.

## KUMPULAN SASARAN

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) mensasarkan program latihan untuk peserta dari dalam dan luar negara. Penglibatan empat kumpulan sasaran ini mencerminkan peranan MACA sebagai institusi latihan khusus dalam pencegahan rasuah. iaitu:



## CARTA ORGANISASI 2018 AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA)



## BARISAN KEPIMPINAN MACA

[ sehingga Disember 2018 ]



**TPj DATO' HJ IDRIS BIN ZAHARUDIN**  
Pengarah MACA



**TPj DATO' P GANASON A/L S PERIATHAMBY**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pusat Pematuhan Pencegahan Rasuah Korporat



**KPKpj ABDUL RAZAK BIN HAMZAH**  
Timbalan Pengarah (Akademik) /  
Ketua Pusat Pengajian Antarabangsa



**KPKpj ZUHAIRIE BIN ABU BAKAR**  
Timbalan Pengarah (Latihan Asas) /  
Ketua Pusat Latihan Asas



**PPj MOHD SAUD AYUTOLLAH  
BIN ABDUL MANAN**  
Ketua Pusat Kecemerlangan Kepimpinan SPRM /  
Ketua Sekolah Anti Pengubahan Wang Haram  
dan Lucut Hak (AMLFOP)

## BARISAN KEPIMPINAN MACA

[ sehingga Disember 2018 ]



**PPj UMI KALUSOM BINTI AHMAD**  
Ketua Sekolah Penyiasatan  
dan Forensik



**PKpj IRAWAN BIN KHLIR**  
Ketua Sekolah Perisikan dan  
Pengesanan



**PPj ERFIEZA BIN MUJEINI**  
Ketua Sekolah Perundangan  
dan Pendakwaan



**PsK HUZAIMI BIN HUSAIN**  
Ketua Sekolah Pencegahan Rasuah  
dan Pengurusan



**PsK ABDUL MALEK BIN ABDULLAH**  
Ketua Pusat Perancangan,  
Penyelidikan dan Korporat



**PN. KATHERENE SHAMALA  
A/P NAGESWARAN**  
Ketua Bahagian Pengurusan




## PENCAPAIAN

## PENCAPAIAN PROGRAM LATIHAN TAHUNAN MACA 2018

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 56 daripada 65 program latihan prospektus telah berjaya dilaksanakan dan diikuti dengan 32 program latihan berdasarkan permintaan pelanggan (*customised*) serta 15 program latihan yang tiada dalam perancangan latihan tahunan 2018 (*ad-hoc*). Secara keseluruhannya, MACA telah berjaya melaksanakan sebanyak 103 kursus berbanding sasaran ditetapkan iaitu 65 kursus yang melibatkan sejumlah 2,817 peserta terdiri daripada warga SPRM, Agensi Awam, Sektor Swasta dan Antarabangsa.

### PROGRAM LATIHAN TAHUNAN SPRM 2018



## KATEGORI PESERTA PROGRAM LATIHAN TAHUNAN SPRM 2018




### KATEGORI PROGRAM LATIHAN TAHUNAN SPRM 2018



## SENARAI AGENSI TEMPATAN YANG MELAKSANAKAN KURSUS DENGAN MACA 2018

|  |  |
|--|--|
|  <b>FGV</b>   | FELDA Global Ventures Holding Berhad (FGV) |
|  <b>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)</b>                          |  |
|  <b>FELCRA BERHAD</b>  |  |
|  <b>Jabatan Imigresen Malaysia</b>  |  |
|  <b>Institut Perakaunan Negara</b>  |  |
|  <b>Pihak Berkua Kemajuan Pekebum Kecil Perusahaan Getah (RISDA)</b>      |  |
|  <b>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)</b>                               |  |
|  <b>Jabatan Bomba dan Penyelamat</b>                                      |  |
|  <b>Jabatan Ketua Menteri Sarawak</b>                                     |  |
|  <b>Kementerian Kerja Raya</b>  |  |
|  <b>Jabatan Kerja Raya</b>  |  |
|  <b>Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)<br/>Jabatan Perdana Menteri</b> |  |
|  <b>Jabatan Muzium Negara</b>   |  |
|  <b>Majlis Sukan Negara</b>   |  |
|  <b>Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)</b>                        |  |
|  <b>SWCORP Malaysia</b>   |  |
|  <b>Asian Supply Base Sdn Bhd</b>                                       |  |

## SENARAI AGENSI ANTARABANGSA YANG MENYERTAI PROGRAM LATIHAN MACA 2018




## PROGRAM AKREDITASI KURSUS ASAS PEGAWAI SPRM: TARAF PENDIDIKAN SPRM KE PERINGKAT GLOBAL

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah membuka ruang lebih luas di peringkat antarabangsa apabila berkolaborasi dengan Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom pada tahun 2017. Melalui kerjasama ini, pembangunan modal insan bagi pegawai SPRM melonjak ke satu fasa baru yang mana kualiti akademik pegawai kadet SPRM yang tamat latihan adalah setanding dengan pelajar-pelajar lepasan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan antarabangsa melalui Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM yang diiktiraf oleh Quality Assurance Agency (QAA), United Kingdom. Pusat Sekretariat Akreditasi (ASC) MACA merupakan nadi yang menghubungkan pihak SPRM dengan pihak NTU bagi merencana perjalanan program akreditasi tersebut.

Sesuai dengan penaiktarafan ini, kualiti akademik pegawai kadet diukur dengan lebih konstruktif yang mana syarat kelulusan kursus asas ini telah diperketatkan berpadanan dengan kualiti pengajian akademik yang diiktiraf diperingkat antarabangsa. Selain itu, kawalan terhadap penilaian dan perakuan pematuhan kualiti juga dilaksanakan oleh pihak NTU, UK dan kelulusan profesional akan hanya dianugerahkan berdasarkan penilaian serta perakuan kualiti tersebut.

Selain itu, pengelasan akademik tahap 5 (*Level 5-Professional Diploma*) untuk Penolong Penguasa SPRM lantikan baharu gred P29 dan tahap 7 (*Level 7-Post Graduate Diploma*) untuk Penguasa SPRM lantikan baharu gred P41 juga diperkenalkan berdasarkan kerangka kualiti dan tahap pengajian tinggi yang ditetapkan di Eropah. Justeru, tenaga pengajar bagi program ini juga disyaratkan mendapat perakuan sebagai tenaga pengajar bertauliah oleh NTU bagi memelihara kualiti pembelajaran.

Dalam masa yang sama, pegawai kadet masih perlu menjalani latihan asas yang dikemudi oleh Pusat Latihan Asas MACA, melibatkan aktiviti fizikal, teknikal dan kerohanian dengan tujuan untuk memperkuatkkan penghayatan visi, misi, objektif dan fungsi SPRM agar taat setia serta patuh kepada peraturan, agama dan organisasi selaras dengan aspirasi SPRM. Pelaksanaan latihan tersebut juga bakal membentuk pegawai SPRM yang berwibawa, berdisiplin, berdedikasi, berketrampilan, berkaliber, mempunyai semangat berpasukan, dan mempunyai daya tahan yang tinggi. Modul tersebut juga penting dalam memantapkan asas-asas penyiasatan, perisikan dan perundangan seorang pegawai SPRM yang berkebolehan.



□ Sesi bersama Dr Jason Pandya-Wood, Director of External Engagement & Strategic Partnership and Reader in Social Policy, School of Social Science, Nottingham Trent University, UK.



## PROFESSIONAL DIPLOMA IN INTERNATIONAL LAW ENFORCEMENT: ANTI-CORRUPTION STUDIES (LEVEL 5) PENOLONG PENGUASA SPRM GRED P29 COHORT 1

Pada 1 Ogos 2018, seramai 130 pegawai kadet Penolong Penguasa SPRM gred P29 lantikan baharu Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 23/2018 yang turut menjalani Pengajian Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies, Cohort 1 telah hadir ke MACA untuk lapor diri. Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 23/2018 merupakan Kursus Asas Pegawai SPRM pertama yang berakreditasi penuh.

Sepanjang 2018, pegawai kadet telah menyelesaikan sebanyak 4 modul pengajian iaitu Principle of Public Administration, Intelligence Theory and Practice, Investigation Theory and Practice dan Law and Prosecution: Theory and Practice. Tugas penulisan ilmiah juga telah dilengkapkan oleh pegawai kadet yang mana proses penandaan tugas dilaksanakan oleh tenaga pengajar MACA dan disemak dan diperakui oleh pemeriksa luar (External Examiner) yang dilantik oleh NTU, UK.

Dalam masa yang sama, peserta kadet masih perlu menjalani latihan asas yang melibatkan aktiviti fizikal dan kerohanian. Latihan yang telah dijadualkan ini amat penting agar mereka berupaya untuk berfungsi secara berkesan dalam menghadapi cabaran dan tugas harian mereka dengan lebih efektif. Selain itu, latihan asas fizikal seperti seni mempertahankan diri, menembak, kawad kaki serta aktiviti-aktiviti sukan ini amat perlu untuk mempersiapkan diri mereka menghadapi cabaran sebenar apabila menyertai lapangan nanti.

Pegawai kadet Program Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti- Corruption Studies (Level 5) Cohort 1 ini dijangka menamatkan latihan dan pengajian pada pertengahan tahun 2019 dan akan ditempatkan untuk bertugas di SPRM seluruh negara.



□ Sesi pendaftaran pegawai kadet.





❑ Sesi taklimat bersama pegawai kadet Program Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti- Corruption Studies (Level 5) Cohort 1.



## SEMINAR “GEARING UP FOR CORPORATE LIABILITY” ANJURAN MACA

❑ YBhg. Dato’ Sri Mohd Shukri bin Abdull, Ketua Pesuruhjaya SPRM turut memberi sokongan kepada program seminar anjuran MACA.

Seksyen 17A yang ditambah ke dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 baru-baru ini memperuntukkan kewajipan kepada semua organisasi komersil untuk melaksanakan tatacara mencukupi yang berkesan bertujuan untuk mencegah rasuah daripada berlaku, yang mana kegagalan melaksanakannya boleh mengakibatkan penalti yang berat dan/atau pemerjaraan dikenakan. Justeru, adalah amat penting untuk semua organisasi komersil mengetahui tentang tanggungjawab dan peranan masing-masing.

Buat julung kalinya MACA telah berjaya menganjurkan seminar “Gearing Up for Corporate Liability” bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya pada 10 Oktober 2018. Penganjuran seminar ini menyentuh secara terperinci mengenai intipati pindaan Akta SPRM 2009 yang memberi tumpuan kepada liabiliti korporat dan implikasinya terhadap cara mereka menjalankan perniagaan. Peserta berpeluang mempelajari langkah-langkah pencegahan rasuah yang boleh dilaksanakan pada sistem dan prosedur pengurusan harian organisasi serta mengetahui risiko rasuah dan impaknya kepada perniagaan dalam jangka pendek dan panjang. Seminar ini akan membolehkan semua pihak mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai pelbagai langkah pencegahan yang bersesuaian dengan risiko rasuah yang dihadapi oleh organisasi.

Seramai 3 orang panel telah diundang untuk berkongsi maklumat yang terdiri daripada Puan Norzilati Izhani Zainal@Zainol, Timbalan Pendakwa Raya SPRM; YBhg. Dato’ Hajah Sutinah Sutan, mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM yang kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah MRT Corporation; dan YBhg. Dato’ P. Ganason a/l S.Periathamby, Ketua Pegawai Operasi, Pusat Pematuhan Pencegahan Rasuah Korporat, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).



❑ Penyampaian taklimat oleh KPKPj Abdul Razak bin Hamzah.

❑ Ucaptama oleh YBhg. Dato’ Shamshun Baharin bin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM.



## PROGRAM AKREDITASI KURSUS ASAS PEGAWAI SPRM-NTU TERIMA ANUGERAH EMAS KETUA PESURUHJAYA 2017

Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM-NTU merupakan satu anjakan paradigma dalam bidang pengajian dan pendidikan khusus untuk pegawai SPRM bermula pada tahun 2017. Maka wajarlah Pasukan Akreditasi MACA yang membangunkan program tersebut ditabalkan sebagai penerima anugerah khas yang berprestij itu iaitu Anugerah Emas Ketua Pesuruhjaya 2017. Anugerah tersebut telah disampaikan pada Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan bagi tahun 2017 yang diadakan di Auditorium Ibu Pejabat SPRM pada 30 Mac 2018 bertemakan #AndaLuarBiasa.

Anugerah Emas Ketua Pesuruhjaya merupakan satu anugerah yang diberikan kepada pasukan kerja SPRM yang mempamerkan pencapaian paling cemerlang dan luar biasa dalam melaksanakan program baru yang inovatif dan bermanfaat untuk SPRM serta melonjakkan nama SPRM di peringkat global.

Ahli Pasukan Akreditasi MACA terdiri daripada YBhg. Dato' Norazlan bin Mohd Razali, YBhg. Dato' Hj. Idris Bin Zaharudin, KPKPj Abdul Razak bin Hamzah, KPKPj Zuhairie bin Abu Bakar, TPR Thangavelu a/l A. Suppiah, TPR Norzilati Izhani Zainal@Zainol, PKPj Irawan bin Khir, PPj Zakaria bin Taib, PPj Umi Kalusom binti Ahmad, PsK Eldrin Anak George, PKPs Muzilah bin Adzmi dan PPs Nor Farihan binti Hassan.



□ Pasukan Akreditasi MACA terima Anugerah Emas Ketua Pesuruhjaya 2017.

## SIJIL ANUGERAH EMAS KETUA PESURUHJAYA SPRM 2017



## PASUKAN KEPIMPINAN MACA: THE TRUE COLORS



□ Pasukan The True Colors di Nottingham Trent University, UK - PPj Erfieza Bin Mujeini, P/PKPj Khairul Nurrahim Ashadi Bin Abdullah, P/PKPj Irawan Bin Khilir, P/PKPj Mohd Saud Ayutollah Bin Abdul Manan dan PPj Azlan Bin Abdul Aziz.

Bagi melahirkan pegawai SPRM yang mempunyai daya kepimpinan yang tinggi bertunjangkan integriti, Pusat Kecemerlangan Kepimpinan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (MLEC), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) bertanggungjawab menyediakan program-program latihan kepimpinan khusus untuk setiap Pipeline kepimpinan SPRM.

Program-program latihan kepimpinan yang dilaksanakan oleh MLEC sebelum ini kebanyakannya adalah menggunakan tenaga pakar daripada konsultan yang dilantik oleh MACA. Walau bagaimanapun, mulai 1 Julai 2018, SPRM telah mengorak selangkah ke depan apabila menubuhkan Pasukan Kepimpinan (*Leadership Team*) yang diberi nama “*The True Colors*” yang akan memberikan latihan kepimpinan kepada pegawai badan SPRM gred P48 ke bawah mengikut acuan SPRM sendiri.

Nama “*The True Colors*” dipilih berdasarkan kepelbagaiannya karakter kepimpinan dan profil ahli pasukan. Ahli pasukan ini terdiri daripada 5 orang pegawai Pengurusan dan Profesional SPRM iaitu; P/PKPj Mohd Saud Ayutollah Bin Abdul Manan, PPj Erfieza Bin Mujeini, P/PKPj Khairul Nurrahim Ashadi Bin Abdullah, P/PKPj Irawan Bin Khilir dan PPj Azlan Bin Abdul Aziz. Dengan adanya kepelbagaiannya (*diversity*) dalam kumpulan ini, ia telah memberi idea kepada pasukan untuk penjenamaan kumpulan.

*The True Colors* mempunyai 4 warna utama iaitu merah, biru, kuning dan hijau dan ia bersesuaian dengan kesemua 5 ahli kumpulan ini yang mempunyai karakter mengikut warna, berdasarkan penilaian *color brain energy*. Semangat “*esprit de corps*” yang ada dan kepelbagaiannya karakter dalam pasukan ini telah memberi suatu kekuatan dalam penghasilan modul kepimpinan.

Pasukan Kepimpinan ini pada awalnya telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan Modul Kepimpinan P41 dan MACC Pipeline Leadership Training. Berikut itu, Pasukan ini telah dihantar untuk mengikuti kursus Leadership in Law Enforcement (*Training of Trainers*) di Nottingham Trent University (NTU), Nottingham, United Kingdom pada 10 hingga 14 September 2018 anjuran Fakulti Sains Sosial, NTU, UK. Projek ini merupakan perintis pasukan kepimpinan yang mampu bertindak sebagai tenaga pengajar khas untuk modul kepimpinan mengikut acuan penguatkuasa SPRM serta ditauliahkan untuk membuat penilaian kepimpinan.

## PENCAPAIAN PASUKAN KEPIMPINAN THE TRUE COLORS

1

### Modul Kepimpinan Postgraduate Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership

Program pengajian *Postgraduate Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership* untuk Pegawai kadet SPRM P41 hasil usahasama SPRM dan NTU memerlukan pihak MLEC, Subject Matter Leaders (SML) serta tenaga pengajar yang terlibat untuk merangka dan menyediakan modul khas berkaitan kepimpinan. Tenaga pengajar yang kompeten dan berkaliber juga diperlukan untuk pelaksanaan latihan modul berkenaan.

2

### Modul Penyeliaan Berkesan (Imigresen Gred KP22)

Pihak MLEC dan *The True Colors* juga telah melaksanakan satu kursus yang dipaten khas (*customized course*) untuk Penyelia bagi Jabatan Imigresen Gred KP22 yang telah dilaksanakan pada 22-26 October 2018 di Akademi Imigresen Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kursus Penyeliaan Berkesan ini merupakan kursus pertama yang dilaksanakan oleh pasukan kepimpinan SPRM dan telah mendapat penilaian cemerlang oleh pihak Akademi Imigresen Malaysia.

3

### Modul Kepimpinan Kadet (Imigresen Gred KP29)

Pihak MLEC dan *The True Colors* juga telah melaksanakan satu kursus yang dipaten khas (*customized course*) untuk Kadet Pelatih Imigresen Gred KP29 pada 26 November 2018 di Akademi Imigresen Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan. Kursus Pengenalan Kepimpinan ini juga mendapat penilaian cemerlang oleh pihak Akademi Imigresen Malaysia.

4

### Modul Kepimpinan Pegawai SPRM Gred P42 (Kursus Peralihan Pegawai SPRM)

Sebelum ini program kepimpinan Kursus Peralihan Pegawai SPRM Gred P42 telah dijalankan oleh konsultan luar. Kini, MLEC dan Pasukan Kepimpinan *The True Colors* diberi mandat untuk menyediakan modul kepimpinan untuk melatih pegawai berkenaan yang sebelum ini berada di perkhidmatan Kumpulan Sokongan 1 untuk dinaiktaraf dan diberikan latihan kepimpinan untuk berada di dalam perkhidmatan kumpulan pengurusan & professionalisme.

Positif Latihan Asas yang sebelum ini bertanggungjawab menyediakan tenaga pengajar dan bertindak sebagai fasilitator juga telah memberi kepercayaan penuh kepada pasukan *The True Colors* untuk menjadi tenaga pengajar dan fasilitator bagi modul kepimpinan Kursus Peralihan Penguasa SPRM Gred P42 pada tahun 2019.

5

### Modul Kepimpinan (Customised Course)

Beberapa agensi luar telah menyatakan hasrat dan minat mendalam terhadap program latihan kepimpinan yang dipaten khas (*customised course*) untuk agensi luar oleh MLEC melalui pasukan *The True Colors*. Pasukan ini juga telah mendapat pelawaan untuk melaksanakan program latihan kepimpinan pada tahun 2019 oleh 2 agensi luar iaitu Institut Perakaunan Negara dan FELCRA Berhad.

## IMPAK PENUBUHAN PASUKAN LEADERSHIP *THE TRUE COLORS*

- 1 Penjimatan kos
- 2 Mengurangkan kebergantungan kepada konsultan luar
- 3 Meningkatkan dana akaun wang amanah MACA
- 4 Meningkatkan kredibiliti pegawai SPRM sebagai konsultan kepimpinan
- 5 Memberi imej yang baik kepada agensi luar

# ANTARABANGSA

## BILANGAN PESERTA ANTARABANGSA 2018



## PROGRAM TAJAAN MTCP: SENIOR EXECUTIVE CERTIFICATE COURSE FOR STRATEGIC MANAGEMENT OF ANTI-CORRUPTION PROGRAMME

Selain daripada menganjurkan program-program latihan berdasarkan keperluan dan kehendak kumpulan sasaran, MACA turut menjalankan program-program latihan tajaan kerajaan Malaysia.

Program Latihan *Senior Executive Certificate Course for Strategic Management of Anti-Corruption* yang diadakan pada 13 hingga 17 Ogos 2018 mendapat pembiayaan sepenuhnya dari Kementerian Luar Negeri. Sejajar dengan semangat kerjasama Selatan-Selatan (*South-South Cooperation*), matlamat program ini ialah untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran teknikal oleh negara-negara membangun yang menyertainya. Program seumpama ini juga diharapkan dapat memperkuatkkan kerjasama serantau dua hala serta memupuk kebergantungan kolektif dalam kalangan negara-negara membangun yang turut serta.

Seramai 17 orang peserta telah dipilih dari seluruh dunia termasuk Azerbaijan, Bhutan, Brunei, Dominican Republic, Mesir, Maldives, Nepal, Filipina, Tajikistan, Sri Lanka, Zimbabwe dan Zambia bagi menjalani program latihan ini. Selain daripada berkongsi pengalaman dan kepakaran teknikal, program seperti ini mampu mewujudkan satu rangkaian pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa dalam kalangan ahli “Anti-Corruption Organisations Officer” dalam usaha pemberantasan rasuah secara bersepudu.



□ Penyampaian ceramah oleh Tenaga Pengajar Pakar MACA kepada peserta program latihan antarabangsa.



□ Antara peserta yang menjalani kursus *Senior Executive Certificate Course for Strategic Management of Anti-Corruption Programme*.

## **COMMISSION FOR THE INVESTIGATION OF ABUSE OF AUTHORITY (CIAA) NEPAL**

SERTAI PROGRAM LATIHAN ASAS PENCEGAHAN RASUAH



□ Peserta tekun mendengar ceramah yang disampaikan oleh YBhg. Dato' P. Ganason a/l S. Periathamby.



□ Peserta Nepal mengabadikan kenangan bersama Pesuruhjaya Savitree Thapa Gurung.

Selain ACC Bhutan, Commission for the Investigation of Abuse of Authority (CIAA) Nepal juga turut menghantar seramai 21 orang pegawainya untuk menjalani Kursus Latihan Asas Pencegahan Rasuah pada 9 hingga 18 Julai 2018.

Selain mengikuti program latihan di MACA, pegawai-pegawai CIAA Nepal turut berpeluang melawat Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya serta Kompleks Pejabat SPM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menyaksikan sendiri modus operandi, perjalanan operasi harian serta fasiliti-fasiliti yang tersedia di pejabat SPM.

Kehadiran Timbalan Pesuruhjaya CIAA Nepal iaitu Pesuruhjaya Savitree Thapa Gurung serta Tuan Maheshwor Neupane ke Malaysia untuk bersama-sama dengan pegawai-pegawai CIAA Nepal turut diraikan dalam satu sesi makan malam di Restaurant Tupai-Tupai Kuala Lumpur pada malam terakhir mereka di Malaysia.

## **PROGRAM LATIHAN INTELLIGENCE BASED INVESTIGATION**

Program latihan Intelligence Based Investigation pada tahun 2018 telah dihadiri oleh seramai 32 peserta daripada negara Bangladesh, Fiji, Singapura, Macau, Maldives, Oman dan Brunei.

Program latihan yang berlangsung pada 23 hingga 27 Julai 2018 bertujuan untuk meningkatkan pemahaman, kemahiran, sikap, tingkah laku dan aplikasi dalam semua aspek penyelidikan berdasarkan perisikan secara teori dan praktikal. Ia juga mampu melengkapkan para peserta dengan kemahiran dan kepakaran dalam operasi perisikan serta menjana idea baru dalam kalangan negara peserta.

Dengan latar belakang dan tugas sama dalam bidang pencegahan rasuah, para peserta turut berpeluang mendapat pendedahan berharga melalui perkongsian pandangan dan pendapat di kalangan peserta dalam sesi perbincangan sepanjang program berlangsung.



□ Peserta mendengar taklimat daripada tenaga pengajar MACA.



□ Sesi perbincangan bersama tenaga pengajar pakar MACA.

## BASIC TRAINING ON ANTI-CORRUPTION STUDIES UNTUK PEGAWAI ANTI-CORRUPTION COMMISSION (ACC) BHUTAN

Anti-Corruption Commission (ACC) Bhutan sentiasa memandang tinggi kredibiliti SPRM dalam melahirkan pegawai-pegawai pencegahan rasuah yang berkaliber dan berintegriti. Membuka tirai 2018, 17 orang pegawai ACC Bhutan telahpun hadir ke MACA untuk menjalani latihan bermula dari 10 Januari hingga 30 Januari 2018.

Program Latihan Asas yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian Antarabangsa ini amat penting dalam memberi kefahaman mengenai keperluan serta persediaan untuk membanteras rasuah dengan lebih efisien oleh pegawai ACC Bhutan meliputi aspek siasatan, perisikan, perundangan dan pencegahan. Ceramah-ceramah dan perkongsian ilmu tersebut telah disampaikan oleh Pegawai-pegawai Kanan SPRM yang berpengalaman luas dalam bidang pencegahan rasuah.

Program latihan ini juga sudah pasti akan meningkatkan kemahiran peserta dalam melaksanakan tugas pencegahan rasuah. Di penghujung program latihan, peserta telah menduduki ujian bertulis bagi menguji tahap kefahaman masing-masing dan laporan pencapaian telah dikemukakan kepada pihak ACC Bhutan.



□ Peserta Bhutan bergambar kenangan dengan pengarah MACA pada Majlis Perasmian Penutup Basic Training on Anti-Corruption Studies: ACC Bhutan.



□ Sesi ceramah bersama tenaga pengajar pakar.



□ Pengarah MACA beramah mesra dengan para peserta.

## UNITED KINGDOM NEGARA PILIHAN PROJEK PENANDA ARASAN PROGRAM SARJANA SAINS SOSIAL (PENGAJIAN RASUAH) UKM-SPRM SESI 2017/2019



Sejak tahun 2009, sebanyak 6 Projek Penanda Arasan telah dilaksanakan di negara-negara seperti Singapura, Hong Kong, New South Wales, Australia, New Zealand, Taiwan dan Korea Selatan.

Mulai 2015, negara yang dikenalpasti mempunyai tahap *Corruption Perception Index (CPI)* yang rendah dan berada di kelompok 10 tangga terbaik menjadi pilihan untuk pelaksanaan Projek Penanda Arasan. Pada tahun 2017, CPI United Kingdom berada di kedudukan ke-8 berbanding kedudukan ke-10 pada tahun 2016. Sebagai persediaan ke United Kingdom pada 25 Jun hingga 29 Julai 2018, para pelajar telah melakukan penyelidikan ilmiah dan lawatan ke jabatan dan agensi terpilih di Malaysia terlebih dahulu untuk mengumpul maklumat berkaitan negara yang bakal dilawati. Antara jabatan dan agensi terlibat ialah SPRM, Transparency International Malaysia, Imigresen Malaysia, Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Majlis Bandaraya Shah Alam, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara dan Tenaga Nasional Berhad.

Projek Penanda Arasan ini antara lain bertujuan untuk memahami, mendapatkan idea serta mempelajari daripada negara-negara yang mempunyai imej yang bersih berkaitan rasuah dan mampu mencapai kedudukan integriti yang tinggi. Selain itu, pelajar turut berpeluang untuk mengkaji dan menilai amalan

terbaik (*best practices*) dan berguna yang terdapat di negara berkenaan yang mungkin boleh diaplikasi di Malaysia dan di samping membina jaringan hubungan yang bermakna untuk kerjasama pada masa akan datang.

Mengetuai delegasi ialah YBhg. Dato' Hj Idris Bin Zaharudin, Pengarah MACA dan disertai oleh Prof. Rahimah Binti Abdul Aziz, wakil Pensyarah daripada UKM; 2 orang pegawai pengiring MACA iaitu PPj Mohd Saud Ayutollah Bin Abdul Manan dan PsK Huzaimi Bin Hussain; dan juga 13 orang pelajar Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah).

Delegasi telah disambut oleh Mr. Mike Austing yang merupakan koordinator daripada *Foreign and Commonwealth Office, Lancaster House, London*. Sepanjang program tersebut, delegasi telah membuat kajian penanda arasan meliputi bidang siasatan, perisikan, perundangan dan dasar-dasar yang berkaitan dengan tadbir urus dalam sektor awam United Kingdom terhadap beberapa agensi kerajaan dan swasta serta agensi penguatkuasaan di United Kingdom. Antaranya ialah *Metropolitan Police Service, Office for Budgetary Responsibility* dan *Office of Gas and Electricity Markets*.

Selain itu, beberapa siri perbincangan turut diadakan dengan agensi-agensi berkaitan di Lancaster House, London seperti *Serious Fraud Office, Transparency National, Home Office, Department of Transport, HM Revenue and Customs* dan *National Crime Agency*. Di samping itu, aspek pendidikan secara formal dan tidak formal turut dikaji sebagai panduan untuk digunakan bagi penambahbaikan dalam modul pendidikan negara.



□ Penyerahan plak MACA oleh Pengarah MACA kepada Minister of State for Asia and the Pacific.



□ Pelajar bergambar bersama wakil Department of Road Transport.

## KURSUS LEADERSHIP IN LAW ENFORCEMENT (TRAINING OF TRAINER) DI NOTTINGHAM TRENT UNIVERSITY (NTU), UK



Pasukan Kepimpinan “The True Colors” telah mengikuti Kursus Leadership in Law Enforcement (Training of Trainers) di Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom pada 10 hingga 14 September 2018. Pasukan ini juga diberi mandat untuk menghasilkan modul Kepimpinan Postgraduate Diploma in International Law Enforcement (Anti-Corruption Leadership) serta menyediakan latihan kepimpinan kepada pegawai badan SPRM gred P48 ke bawah mengikut acuan SPRM sendiri.

Modul Kepimpinan Postgraduate Diploma in International Law Enforcement (Anti-Corruption Leadership) merupakan modul tambahan yang telah diluluskan oleh pihak NTU, UK dan dimasukkan ke dalam pemetaan program pengajian Postgraduate Diploma in International Law Enforcement (Anti-Corruption Leadership) bagi pengambilan pegawai kadet SPRM Gred P41 akan datang.



□ Pasukan The True Colors bersama wakil-wakil School of Social Sciences, Nottingham Trent University, UK.

## KURSUS COUNTERING AND AUDIT OF FRAUD AND CORRUPTION

### OLEH CROWN AGENTS, UNITED KINGDOM

Pencegahan *Fraud* dan rasuah adalah penting dalam kelestarian dan kejayaan sesebuah organisasi, terutamanya untuk mencegah kepupusan nilai-nilai murni daripada akar umbi. Langkah-langkah pencegahan fraud dan rasuah merangkumi sebarang usaha pencegahan atau apa-apa strategi yang mungkin dapat mencegahnya daripada berlaku. Hal ini memerlukan perancangan urus tadbir, pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang dilaksanakan berdasarkan budaya integriti dan ketelusan yang kondusif.

Dengan adanya strategi pencegahan *fraud* dan rasuah serta dilengkapi dengan kapasiti, kapabiliti dan kecekapan sumber untuk penguatkuasaannya, ianya bukan sahaja akan membantu organisasi mencegah dan menghalang *fraud* dan rasuah daripada berlaku, malahan dapat menjadikannya prasyarat yang penting untuk pengesanan, penyiasatan dan penyelidikan yang berjaya, sekiranya diperlukan kelak.

PPj Erfieza bin Mujeini dan PsK Pang Mai Teck telah terpilih mewakili MACA menyertai program latihan ini pada 12 hingga 16 November 2018 di *Blue Fin Building*, London berpeluang untuk memahami dengan lebih mendalam tentang kriteria-kriteria jenayah siber dan jenayah ekonomi, termasuklah aktiviti pengubahan wang haram. Penyertaan kursus ini adalah di bawah tajaan Program Latihan Tenaga Pengajar Institut Latihan Awam (ILA), Jabatan Perkhidmatan Awam.

Di samping itu, peserta juga dapat mengenalpasti *fraud* dan rasuah dalam cukai pejabat awam dan perolehan secara kontrak serta penyelewengian risiko dan strategi-strategi kawalan yang berkesan. Peserta turut diberi pendedahan tentang prosedur untuk mewujudkan langkah-langkah pencegahan *fraud* dan rasuah di organisasi masing-masing dan mengekalkan pelaksanaannya.

Kursus ini mengambil pendekatan yang holistik untuk mencegah dan mengaudit sebarang aktiviti *fraud* dan rasuah dengan amalan terbaik (*best practice*) antarabangsa serta teknik dan teknologi terkini. Ia akan memberikan manfaat kepada mereka yang berperanan untuk menghalang dan mengesan potensi rasuah dalam organisasi.



Para peserta bergambar bersama tenaga pengajar Crown Agents, UK.

## TESTIMONI PROGRAM CORRUPTION RISK MANAGEMENT WORKSHOP OGOS 2018



*The course was useful and provocative. We learn more about corruption risk management.*

**MR. AHMED SULTAN ALALAWI**  
State Audit Institute of Oman



*The Workshop was very informative and will help me in career to improve the skills and technique for assessing and controlling risk that might face any organisations. Many thanks to MACA for sharing their experience and knowledge with us and I hope for them a very good luck. My thanks also dedicated to Mrs. Norisah for her effort and for sharing her experience with us.*

**MR. SALIM AL-KALBANI**  
State Audit Institute of Oman



*Thank you so much for the outstanding training program you delivered. Though it was something very new for me. I learned a lot and I am excited to go back and ask my seniors to practice what I have learned from the course. I will recommend my seniors to send more staff to do this training in future as well.*

**MRS. MALEEEHA AHMED**  
Anti-Corruption Commission of Maldives

## TESTIMONI INTELLIGENCE BASED INVESTIGATION JULAI 2018



Intelligence based investigation programme conducted by MACA has given me more experience to undercover operations and live examples of their GST cases. Trainers have good knowledge in their works and willing to share their experience with the participants. This programme is also a good opportunity to build up network with other countries counterparts and good cultural exchange. Lastly I would like to thanks MACA for their wonderful hospitality and learning experience.

**MRS. HO SEE WEI**  
Corrupt Practices Investigation  
Bureau of Singapore



The training on intelligence based investigation is much needed for Anti-Corruption officers. I would like to give special thanks & gratitude to MACA for arranging such an important training for us. It will surely help us in developing our knowledge & experience on Intelligence Based Investigation. This Multi country participant appeared training helps me in sharing knowledge culture with the other country participants. The variety, environment and the cooperation of MACA members were just excellent. Again I would like to thank MACA for giving me the opportunity to take part in the training course. All the best MACA.

**MR. MOHAMMAD MAHMUDUR RAHMAN**  
Anti Corruption Commission  
of Bangladesh



Saya sangat berminat untuk mengikuti kursus ini kerana ia berkaitan dengan tugas saya buat pada masa ini. Semua kelas yang diaturkan memberi manfaat kepada saya khususnya dan kepada BMR secara amnya terutama dalam hal-hal perisikan dan siasatan. Kesimpulannya, IBI secara langsung membantu menjayakan dan melaksanakan siasatan ke atas kes kes rasuah.

**MR. ABDUL HAKIM BIN ALI**  
Biro Mencegah Rasuah, Brunei



The Intelligence Based Investigation course which was conducted by MACA has been very useful to me with regard to my work. As the course covered in details the process of IBI. I learned the technique and thus I can go back to my country and can work to implement and use those techniques in our intelligence unit. Since our intelligence unit is very new this course has been an eye opening for me as someone who is working in the intelligence. The lecturers and the practical task enabled me to understand the concepts very well and it was delivered in an interesting way. The logistical service provided were excellent and I felt very comfortable here. Keep up the good work MACA and I wish looking forward for more training programs with you as you have excellent knowledge and experience in this area. Thank you so much for having me here.

**MRS. AMINATH MOHAMAD**  
Anti-Corruption Commission of Maldives



On behalf of FICAC Fiji, I take this opportunity to thanks MACA Directors, Intelligence Officers, Course facilitators, Undercover Officers, presenters for assisting us during the course in many ways. We enjoy every moment of MACA and at the same time learned a lot. The lovely dinner night on Wednesday and the culture dance. Also the beautiful Malaysia weather which was in our favour. I hope to attend more course here to fight against corruption. MACA is very advance in terms of intelligence based investigation. Once again, thank you so much.

**MR. NAWAL KUMAR**  
Fiji Independent Commission  
Against Corruption

# AKADEMIK

## PROGRAM LATIHAN AKADEMIK ANJURAN SEKOLAH-MACA TAHUN 2018

| NAMA SEKOLAH                             | BILANGAN KURSUS PROSPEKTUS | BILANGAN KURSUS CUSTOMISED | BILANGAN KURSUS ADHOC | JUMLAH KURSUS | BILANGAN PESERTA |
|--|----------------------------|----------------------------|-----------------------|---------------|------------------|
| Sekolah Penyiasatan dan Forensik         | 8                          | 9                          |                       | 17            | 511              |
| Sekolah Perisikan dan Pengesahan         | 7                          | 4                          |                       | 11            | 280              |
| Sekolah Perundungan dan Pendakwaan       | 5                          | 1                          |                       | 6             | 120              |
| Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan | 7                          | 1                          | 1                     | 9             | 206              |
| Sekolah AMLFOP dan Pelucutahan Harta     | 6                          |                            |                       | 6             | 101              |
| <b>JUMLAH</b>                            | <b>33</b>                  | <b>15</b>                  | <b>1</b>              | <b>49</b>     | <b>1,218</b>     |

## MENAJAMKAN KEMAHIRAN INTIPAN MELALUI KURSUS “SURVEILLANCE TECHNIQUE FROM OTHER INTELLIGENCE AGENCIES”

Kemahiran teknikal akan sentiasa berkembang dari semasa ke semasa seiring dengan peredaran zaman. Justeru, pelbagai teknik-teknik baru yang diguna pakai sebagai modus operandi dalam menyelesaikan kes-kes melibatkan siasatan dan intipan pihak SPRM. Bagi memperkasakan pegawai-pegawai SPRM melaksanakan tugas menggunakan kemahiran yang terkini dan lebih berkesan, Sekolah Perisikan dan Pengesahan akan menyediakan program latihan “Surveillance Technique from Other Intelligence Agencies” setiap tahun.

Pada 24 hingga 26 April 2018, program latihan tersebut telah diadakan dan disertai oleh seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai SPRM Bahagian Perisikan dan Bahagian Siasatan SPRM. Kali ini, MACA telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Perhilitan Semenanjung Malaysia yang telah berkongsi ilmu dan maklumat tentang bidang tugas jabatan mereka yang melibatkan intipan dan siasatan serta kesalahan yang berkait dengan Akta Perhilitan Malaysia.

Fokus lebih tertumpu kepada teknik pengecaman hidupan liar dan kajian kes beberapa penyeludupan haiwan yang sedang dan telah berlaku di Malaysia untuk memberi pengetahuan dan gambaran lebih jelas kepada peserta kursus berkaitan intipan dan penyiasatan yang melibatkan jenayah berkaitan Jabatan Perhilitan pada masa hadapan.



- Penceramah jemputan berkongsi pengalaman bersama peserta.



- Peserta memberikan sepenuh tumpuan kepada maklumat yang disampaikan oleh penceramah jemputan.

## PEGAWAI JABATAN IMIGRESEN PULAU PINANG SERTAI KURSUS TEKNIK PERISIKAN



□ Perkongsian ilmu oleh penceramah daripada SPRM bersama Jabatan Imigresen



□ Penyampaian sijil penyertaan kepada peserta oleh YBhg. Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman daripada Bahagian Pengurusan Jabatan Imigresen Malaysia.

SPRM tidak hanya menyediakan program latihan untuk pegawai-pegawai yang bernaung di bawahnya sahaja. Ilmu pengetahuan yang dimiliki turut dikongsi bersama agensi-agensi daripada sektor awam dan swasta. Pada 12 hingga 16 Mac 2018, Jabatan Imigresen Pulau Pinang telah menganjurkan Kursus Teknik Perisikan yang dipaten khas untuk Jabatan Imigresen Malaysia dengan kerjasama Sekolah Perisikan dan Pengesanan MACA.

Peserta program terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia negeri Pulau Pinang, Kelantan, Kedah, Perlis, Perak dan Selangor. Penganjuran kursus ini secara tidak langsung mewujudkan kerjasama yang baik di antara SPRM, khususnya MACA, dengan Jabatan Imigresen Malaysia.

Ia juga membentuk jaringan perhubungan atau sumber maklumat yang boleh membantu Pegawai SPRM dalam sebarang siasatan salahlaku rasuah yang berlaku dalam Jabatan Imigresen Malaysia.



□ Sesi bergambar bersama peserta Kursus Teknik Perisikan.

## BENGKEL PERKONGSIAN PENGALAMAN KES-KES RASUAH BERPROFIL TINGGI



Dalam usaha untuk melahirkan pegawai SPRM yang berwibawa, pelbagai pendekatan diguna pakai. Selain mempelajari teknik-teknik siasatan secara teori dan praktikal, Sekolah Siasatan dan Forensik MACA turut menyediakan Bengkel Perkongsian Pengalaman yang memberi fokus kepada kes-kes rasuah berprofil tinggi.

Tidak dinafikan, pengalaman adalah guru yang terbaik. Justeru, sesi ceramah dan perkongsian pengalaman yang direncanakan pada 30 Oktober 2018 telah disampaikan oleh pegawai-pegawai SPRM yang terlibat secara langsung dengan kes-kes berprofil tinggi daripada Bahagian Perisikan, Bahagian Operasi Khas dan Bahagian AMLFOP Ibu Pejabat SPRM.

Kursus ini memberi impak yang besar kepada SPRM kerana buat pertama kalinya kursus ini dihadiri oleh Pegawai-pegawai SPRM kumpulan Pengurusan dan Profesionalisme gred P44 hingga Jusa C yang terdiri daripada Ketua Siasatan Negeri, Ketua Cawangan Siasatan Ibu Pejabat SPRM, Ketua Cawangan SPRM Negeri, Timbalan Pengarah dan Pengarah SPRM Negeri.

Perkongsian ilmu seperti ini memberi kesan yang positif apabila peserta yang menghadiri bengkel ini dapat menghebahkan maklumat kepada pegawai bawahnya tentang cabaran, halangan, kaedah dan teknik terbaik yang diguna pakai oleh Ibu Pejabat SPRM dalam menyiasat kes-kes rasuah berprofil tinggi.

## RISDA ADAKAN KURSUS ASAS SIASATAN



Tahun 2018 menyaksikan kerjasama terjalin di antara MACA dengan Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dengan menganjurkan 2 siri Kursus Asas Siasatan yang dipaten khas untuk RISDA. Program latihan ini dikemudi oleh Sekolah Siasatan dan Forensik MACA pada 2 hingga 4 Julai 2018 dan 7 hingga 9 Ogos 2018 di MACA.

Kursus ini dihadiri oleh pegawai-pegawai Unit Integriti, pegawai-pegawai Ibu Pejabat RISDA, pegawai-pegawai RISDA Negeri serta Ketua Jabatan Syarikat Milikan RISDA.

Pihak RISDA amat yakin dan percaya bahawa program seperti ini mampu meningkatkan kemahiran dan memantapkan ilmu siasatan Pegawai RISDA dalam menjalankan tugas siasatan yang melibatkan bidang kuasa mereka dengan lebih berkesan.

Disamping itu, ia juga dapat memberi kesedaran kepada Pegawai RISDA berkenaan tanggungjawab sebagai penjawat awam dalam etika menggunakan media sosial dengan lebih bertanggungjawab melalui modul "Akta SKMM".

## PERKONGSIAN KISAH KEJAYAAN KES-KES LHDN DAN PENDAKWAAN BERKESAN PELARIAN CUKAI (TAX EVASION)

Pada 10 hingga 12 April 2018, Sekolah Perundungan dan Pendakwaan telah menganjurkan Kursus Undang-undang Akta LHDN 1995: Success Story Kes LHDN & Pendakwaan Berkesan Pelarian Cukai (Tax Evasion) di Dewan Kuliah Terengganu, MACA.

Kursus yang melibatkan 30 orang peserta ini disasarkan kepada pegawai-pegawai siasatan di Ibu Pejabat, negeri dan cawangan bertujuan untuk memantapkan lagi ilmu pengetahuan dan juga aplikasi kepada akta-akta dalam skop siasatan.

Dalam program latihan ini juga, penceramah telah mentakrif dan menghuraikan peruntukan undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 1995, pendakwaan kes LHDN dan kaedah amalan terbaik. Peserta turut mempelajari teknik meneliti kertas siasatan kes LHDN, keterangan-keterangan dan penyediaan pertuduhan.

Selain itu, peserta juga berpeluang untuk membuat perbandingan dengan isu-isu semasa, masalah dan penyelesaian pemakaian undang-undang berkaitan Akta LHDN 1995 serta isu pelarian cukai.



□ Antara peserta yang menyertai kursus.

## PENDAKWAAN KES FORENSIC ACCOUNTING



Bagi meningkatkan kemahiran Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dan Pegawai Pendakwa SPRM dalam mengendalikan kes-kes berkaitan *forensic accounting*, Sekolah Perundangan dan Pendakwaan telah menganjurkan Kursus Pendakwaan Kes *Forensic Accounting* pada 8 hingga 10 Mei 2018.

Kursus ini memberi pendedahan kepada para peserta tentang teknik-teknik pendakwaan terkini bagi kes berkaitan *forensic accounting*. Selain itu, peserta juga didedahkan dengan kaedah terbaik untuk meneliti kertas siasatan, keterangan-keterangan forensik dan penyediaan pertuduhan.



## MOCK TRIAL KES AMLA

### UNTUK TIMBALAN PENDAKWA RAYA DAN PEGAWAI PENDAKWA SPRM



Program latihan ini melibatkan seramai 52 orang Timbalan Pendakwa Raya dan Pegawai Pendakwa SPRM dan telah berlangsung pada 10 dan 11 Julai 2018 di MACA.

Selain memberi pendedahan kepada para peserta tentang kesalahan jenayah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan di Malaysia, program latihan ini juga meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai modus operandi pengendalian kes pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Di samping itu, ia juga menajamkan kemahiran para peserta dalam mengendalikan kes-kes pendakwaan yang berkaitan.



□ Sesi perbincangan dalam kumpulan.



## FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (FGV) LAKSANAKAN PROGRAM LATIHAN PENDAKWAAN BERKESAN

Selain menganjurkan program latihan untuk pegawai-pegawai SPRM, Sekolah Perundangan dan Pendakwaan turut tidak ketinggalan menganjurkan program latihan untuk agensi luar. Pada 22 hingga 24 Mei 2018, Program Latihan Pendakwaan Berkesan telah diadakan di Dewan Tun Ismail dan Mahkamah Simulasi Kevin Morais MACA yang melibatkan seramai 30 orang peserta dari Felda Global Ventures (FGV).

Dalam program ini, peserta diberi pendedahan tentang peranan dan tanggungjawab pegawai pendakwa dalam pengurusan pendakwaan kes rasuah yang meliputi penelitian kertas siasatan; penyediaan pertuduhan dan fakta kes; keperluan pembuktian bagi pendakwaan, kerelevenan dan beban bukti; pemeriksaan utama, balas dan semula semasa kes pendakwaan serta pembelaan.

Selain itu, peserta juga menjalani sesi latih amal di Mahkamah Simulasi Kevin Morais MACA serta didedahkan dengan isu-isu dan cabaran yang relevan.



□ Sesi perbicangan dalam kumpulan (LDK).

## BENGKEL DESK OFFICER AMLFOP



Bengkel Desk Officer AMLFOP ini merupakan kursus yang dijalankan atas saranan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pelucutukan Harta (AMLFOP) SPRM hasil daripada perbincangan dengan unit AMLFOP negeri berhubung keperluan untuk memantapkan peranan 25 orang pegawai SPRM yang telah dilantik sebagai Desk Officer AMLFOP.

Bengkel yang diadakan pada 19 hingga 22 Februari 2018 ini memberi pendedahan kepada Desk Officer AMLFOP untuk melaksanakan tugas dengan berkesan dan efektif dalam kerja-kerja penyiasatan kes pengubahan wang haram serta pengurusan lucut hak yang lebih sistematik. Selain itu, ia akan meningkatkan pengetahuan pegawai yang membuat analisa terhadap kes di bawah Akta Pengubahan Wang Haram, teknik-teknik pengesanan, penyitaan dan pelucutukan.

Bengkel ini juga mampu meningkatkan kemahiran menguruskan pelaporan penyitaan harta berhubung pengisytiharan harta di bawah Seksyen 36 ASPRM 2009 dan Seksyen 49 AMLATPUAA 2001 bagi memastikan siasatan berakhir dengan tindakan punitif iaitu pendakwaan, pelucutukan harta dan laporan SPRM. Penyertaan dalam program ini juga memberi pengetahuan kepada peserta berkaitan pengurusan eksibit dan keterangan bagi kertas siasatan melibatkan kes pengubahan wang haram untuk tujuan lucut hak di bawah Seksyen 36 ASPRM 2009 dan Seksyen 49 AMLATPUAA 2001.



□ Sesi perbincangan dalam kumpulan (LDK).



□ Sesi fotografi Desk Officers AMLFOP bersama PPj Mohd Saud Ayutollah bin Abdul Manan, Ketua Sekolah AMLFOP dan Pelucutahan Harta.

# INTEGRITI

Peranan utama Pusat Pematuhan Anti Rasuah Korporat (CACCC), MACA adalah untuk melaksanakan program latihan kepada pihak swasta untuk menangan iisu rasuah. Program-program latihan ini dilaksanakan melalui 2 kaedah utama iaitu program latihan terancang SPRM berdasarkan prospektus tahunan dan program customised iaitu berdasarkan permintaan agensi luar. Antara program latihan yang mendapat permintaan tinggi ialah program Pengurusan Risiko Rasuah atau Corruption Risk Management (CRM).

## CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM) WORKSHOP

Pengurusan Risiko Rasuah atau *Corruption Risk Management (CRM)* merupakan salah satu inisiatif SPRM dalam menilai dan mengurus risiko berkaitan rasuah melalui penyediaan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah untuk jabatan dan organisasi di Malaysia.

CRM amat kritikal sebagai satu sistem amaran awal dalam mengenal pasti kewujudan aktiviti rasuah dalam sesebuah jabatan atau organisasi. Ia juga merupakan medium perkongsian pandangan secara bersistem di antara pihak pengurusan dan warga kerjanya berkaitan langkah dan strategi kawalan terhadap risiko rasuah. Selain itu, ia membenarkan pengubahsuaian antara keperluan risiko rasuah dan perlaksanaan strategi lain dalam jabatan dan organisasi.

Di MACA, Bengkel CRM merupakan antara program latihan yang sering mendapat perhatian dan permintaan yang tinggi oleh sektor awam dan swasta dalam usaha untuk mengekang budaya rasuah dalam kalangan warga kerjanya. Program latihan CRM dibentuk bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada organisasi dan jabatan mengenai pasti risiko-risiko rasuah di peringkat organisasi dan jabatan ke arah membangunkan satu pelan tindakan serta memperbaiki sistem-sistem dan prosedur-prosedur sedia ada.

## SISTEM PENGURUSAN RISIKO RASUAH BERINTEGRITI



sumber: Laporan Tahunan 2017 SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA.

## CRM DALAM SEKTOR AWAM

Pada awalnya, program latihan CRM hanya dibuka kepada sektor awam bagi menyahut seruan kerajaan membendung jenayah rasuah dan salahguna kuasa. Sebanyak 9 jabatan dan organisasi sektor awam yang telah melaksanakan program latihan CRM bersama MACA pada tahun 2018.



## SENARAI CRM SWASTA, BADAN BERKANUN DAN BADAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC)

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 4 program latihan CRM untuk sektor swasta, Badan Berkanun dan Badan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah terlaksana.





□ Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Hutan Sarawak.

## PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CEIO)

Dalam era globalisasi, usaha untuk membanteras rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan menjadi semakin kompleks berikutan wujudnya segelintir pihak yang menggunakan kedudukan dan organisasi untuk faedah diri sendiri. Kemajuan teknologi, kepesatan pembangunan serta nilai kemanusiaan yang terhakis menyumbang kepada isu ini yang menyukarkan lagi inisiatif pencegahan jenayah rasuah. Justeru, kerajaan mengambil inisiatif untuk menghadapi cabaran ini melalui peningkatan integriti pelbagai sektor, khususnya sektor awam dan swasta.


Maka, satu program yang dinamakan Program Pegawai Integriti Bertauliah atau *Certified Integrity Officer* (CeIO) telah diperkenalkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Integriti Korporat (C IDC), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia; selaras dengan Arahan YAB. Perdana Menteri, Bil.1 Tahun 2009 Siri 1 Bil. 1 Tahun 2011 (Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah).

Bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan Program CeIO karya MACA dan SPM dapat dilaksanakan secara berterusan berpandukan modul yang dibentuk mengikut standard, MACA telah mengambil inisiatif untuk mematenkan hakcipta modul-modul CeIO sektor awam, swasta dan antarabangsa melalui MyIPO. Usaha tersebut terlaksana dengan pengiktirafan hak cipta Modul Program CeIO Sektor Awam pada 2018.


### TENTANG CEIO SEKTOR AWAM

#### HAK CIPTA MODUL PROGRAM CEIO SEKTOR AWAM

- 1 Program Latihan MACA yang pertama dan satu-satunya telah didaftarkan dan diberikan Sijil Pemberitahuan Hak Cipta (*Copyright*)
- 2 Tajuk karya: Modul Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Sektor Awam.
- 3 Sijil Pemberitahuan Hak Cipta berkuatkuasa pada 13 Jun 2017
- 4 Berdaftar di bawah Daftar Hak Cipta Seksyen 26B Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332).
- 5 Merupakan modul rujukan tenaga pengajar dan peserta CeIO.



## 2017/2018 - SIRI PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO)





□ Sijil Hak Cipta Modul CeIO Awam.

## PROGRAM ENHANCING INTEGRITY PROJECT (EIP)

*Enhancing Integrity Project (EIP)* merupakan satu latihan praktikal yang perlu diterjemahkan dalam bentuk program oleh peserta CeIO bagi setiap siri. Ia adalah suatu projek berkaitan pembudayaan integriti yang dikendalikan sepenuhnya oleh peserta program CeIO bersama masyarakat setempat mengikut kreativiti masing-masing yang melibatkan kolaborasi strategik dengan pelbagai sektor dalam negara.

### EIP CeIO BERSAMA UNITEN



- Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM merasmikan program EIP bersama UNITEN.



- Acara menanam pokok Karas sebagai simbolik.



Peserta Program Pegawai Integriti Bertauliahan (CeIO) Siri 20 Bil. 1/2018 yang terdiri daripada pegawai-pegawai agensi awam telah memilih Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) sebagai sasaran untuk menyebar luas mesej antirasuah melalui Program *Enhancing Integrity Project (EIP)* pada 7 April 2018.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ja'afar bin Mahad, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan disertai oleh seramai 200 warga UNITEN.

Antara pengisian program tersebut ialah sesi menanam pokok bersama pelajar-pelajar UNITEN selari dengan tema Program EIP iaitu ‘Belia Berintegriti Pemacu Kelestarian Alam’. Sebanyak 400 anak pokok Karas telah disumbang oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).

## EIP BERSAMA KPJ UNIVERSITY COLLEGE



❑ Sesi fotografi peserta CelO bersama YBhg. Dato' P. Ganason a/l S.Periathamby.



❑ Ucapan perasmian oleh Tn Hj. Onn bin Ismail, Naib Presiden Divisyen Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes, Johor Corporation.



❑ YBhg. Dato' P. Ganason a/l S.Periathamby merasmikan gimik "Mural Integriti" KPJ University College.



❑ Sesi forum "Sosial Media dan Anda" bersama panel-panel jemputan.

Buat pertama kalinya, Modul Program CelO telah dirangka khusus untuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) iaitu Kumpulan Johor Corporation (JCorp) dan disertai sepenuhnya oleh seramai 23 pegawai daripada organisasi tersebut.

Pada 24 November 2018, peserta CelO Siri 4 Bil.2/2018 ini telah menganjurkan program EIP bersama pelajar KPJ University College, Nilai dengan tema "Membudayakan Integriti Secara Berhemah dan Tuntas" dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' P. Ganason a/l S. Periathamby, Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Pematuhan Antirasuah Korporat, MACA. Antara pengisian aktiviti EIP ialah ceramah "Bina Generasi Benci Rasuah" dan sesi forum bertajuk "Sosial Media dan Anda" yang diberiisi panel-panel jemputan iaitu Pengguna Mohd Hudzail Mohd Mansor, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM; dan Tuan Haji Shamsol Ali, Pegawai Integriti Malaysia Airlines.

Sebelum itu, YBhg. Dato' P. Ganason a/l S. Periathamby telah merasmikan gimik "Mural Integriti" yang telah dihasilkan oleh sekumpulan pelajar kolej tersebut dengan disaksikan oleh Datin S. Fauziah Jamaludin, Pengarah Eksekutif KPJ Healthcare University College dan Tuan Hj. Onn Ismail, Naib Presiden Divisyen Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Johor Corporation.

## BANK RAKYAT SERTAI SEMINAR KELESTARIAN INTEGRITI

Selain EIP, Seminar Kelestarian Integriti turut menjadi acara yang wajib dianjurkan oleh kumpulan peserta CelO. Bertemakan "Warga Kerja Berintegriti Pemacu Kelestarian Organisasi", Peserta CelO Siri 20 Bil. 1/2018 juga telah berjaya melangsungkan Seminar Kelestarian Integriti bersama Bank Rakyat di Menara Berkembar Bank Rakyat dan dihadiri oleh 600 tetamu jemputan daripada pelbagai agensi pada 17 April 2018.

Seminar tersebut telah menampilkan panel-panel ternama iaitu Perunding Pembangunan Organisasi dan Kepimpinan, Datuk Faridah Hanim binti Haron; Perunding Inspirasi dan Motivasi, Ustazah Dr. Robiah binti K Hamzah dan Pakar Motivasi Korporat, Ustazah Noor Laila binti Zakaria.

Turut berlangsung dipenghujung acara ialah Majlis Perasmian Penutup Program CelO Siri 20 Bil 1/2018 yang disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) SPRM, Dato' Junipah binti Wandi.



❑ Ucapan Perasmian oleh Dato' Junipah binti Wandi, Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi SPRM.



❑ Barisan panel jemputan iaitu Datuk Faridah Hanim binti Haron, Ustazah Dr. Robiah binti K Hamzah dan Ustazah Noor Laila binti Zakaria.



❑ Antara jemputan yang menghadiri Seminar Kelestarian Integriti "Warga Kerja Berintegriti Pemacu Kelestarian Organisasi".

## MAJLIS KONVOKESYEN CEIO KALI KE-7

### DIRASMIKAN OLEH KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Majlis Penyampaian Sijil Pentauliahan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Kali Ke-7 (Majlis Konvokesyen CeIO) yang dianjurkan pada 1 November 2018 bertambah serinya apabila ia dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail bin Hj. Bakar, Ketua Setiausaha Negara.

Majlis ini turut memperkenalkan satu anugerah khas iaitu Anugerah Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Kehormat. Mendarului senarai penerima CeIO kehormat ialah mantan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang kini berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), YBhg. Tan Sri Hj. Abu Kassim bin Mohamed serta diikuti dengan 5 lagi penerima Anugerah CeIO Kehormat.



□ Ucapan Perasmian oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail bin Hj. Bakar, Ketua Setiausaha Negara.



## SENARAI PENERIMA ANUGERAH

### CeIO KEHORMAT



**YBHG. TAN SRI HJ. ABU KASSIM BIN MOHAMED**  
Ketua Pengarah  
Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)/ Mantan Ketua Pesuruhjaya



**TAN SRI MOHAMAD ZABIDI BIN ZAINAL**  
Mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam



**YBHG. TAN SRI DATO' SERI MEGAT NAJMUDDIN BIN DATUK SERI DR. MEGAT KHAS**  
Mantan Presiden Malaysian Institute of Corporate Governance



**DATUK DR HJ. MOHD TAP BIN SALEH**  
Mantan Presiden  
Institut Integriti Malaysia



**YBHG. TAN SRI DATO' SRI ZARINA BINTI ANWAR**  
Mantan Pengurus  
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



**DATO' MOHD NAIM BIN DARUWISH**  
Mantan Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia


## SEKITAR MAJLIS KONVOKESYEN

### CeO KALI KE-7



# MODAL INSAN

## KRONOLOGI PROGRAM AKREDITASI KURSUS LATIHAN ASAS PEGAWAI SPRM 2018



## BENGKEL MENTORING KURSUS ASAS PEGAWAI SPRM: MODUL KEPIMPINAN UNTUK POST GRADUATE DIPLOMA IN INTERNATIONAL LAW ENFORCEMENT: ANTI-CORRUPTION LEADERSHIP (LEVEL 7).

Bengkel Mentoring Kursus Asas Pegawai SPRM Gred P41 telah diadakan pada 12 hingga 14 Disember 2018 bertujuan untuk memberi bimbingan kepada Mentor yang dilantik tentang teknik dan langkah pelaksanaan proses "Coaching and Mentoring" serta peranan Mentor kepada Mentee yang bakal dilatih.

Dalam bengkel tersebut, peserta diajar tentang teori bagaimana untuk menjadi seorang pemimpin, ketua, pembimbing atau mentor yang berkesan. Selain itu, peserta juga berpeluang mengenalpasti kekuatan dan kebolehan dalam memberi bimbingan kepada mentee di bawah seliaan masing-masing untuk mengubah tingkahlaku mereka kepada yang lebih positif. Peserta juga mampu merancang dan membangunkan sesi mentoring dan pelan tindakan masing-masing setelah menghadiri sesi bengkel ini.



Barisan tenaga pengajar daripada Nottingham Trent University dan peserta bengkel bergambar bersama YBhg. Dato' Hj Idris, Pengarah MACA.



Sesi "Coaching and Mentoring".

## PROGRAM LATIHAN KETUA PENGUJI DAN PENGUJI SPRM

Mulai tahun 2014, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan kebenaran pihak Jabatan Perkhidmatan Awam telah melaksanakan Ujian Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera dan Kecergasan kepada semua calon lantikan baru SPRM di seluruh negara secara kendiri.

Selain daripada aspek sahsiah dan kecerdasan akademik, aspek kecergasan fizikal dan ketajaman pancaindera turut dititik beratkan dalam pemilihan calon Pegawai SPRM yang berwibawa.

Sehubungan itu, Pusat Latihan Asas MACA telah menganjurkan Program Latihan Ketua Penguji & Penguji Bagi Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera & Kecergasan SPRM pada 12 hingga 13 Februari 2018 bagi tujuan memberi persediaan kepada Ketua Penguji dan Penguji SPRM yang akan melaksanakan pemeriksaan fizikal, pancaindera dan kecergasan kepada calon-calon lantikan baru SPRM di seluruh negara bagi tahun 2018.

Seramai 51 peserta yang terdiri daripada Ketua Penguji dan Penguji hadir untuk mendalami pengetahuan tentang kaedah melaksanakan pemeriksaan fizikal, pancaindera dan kecergasan yang betul bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dan cubaan menipu oleh calon. Program ini dapat memastikan bahawa Ketua Penguji dan Penguji yang dilantik kompeten dalam melaksanakan ujian tersebut mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan SPRM serta mampu mengenalpasti calon-calon yang benar-benar layak untuk melepas ke tahap ujian yang seterusnya.



□ Peserta mengaplikasikan teknik yang diajar dalam program latihan.



□ Penceramah membuat simulasi kaedah yang tepat untuk mengukur ketinggian calon.



□ Sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK).

## KRITERIA CALON PEGAWAI SPRM 2018/2019



### UJIAN PEMERIKSAAN

#### FIZIKAL DAN PANCAINDERA

|                          |                         |
|--------------------------|-------------------------|
| Tinggi                   | <b>1.62 m</b>           |
| Berat Badan              | <b>50 kg</b>            |
| Body Mass Index (BMI)    | <b>19-29</b>            |
| Dada Dalam Keadaan Biasa | <b>79 cm</b>            |
| Dada Tarik Nafas         | <b>84 cm</b>            |
| Penglihatan              | <b>Baik/Aras 3</b>      |
| Pengecaman Warna         | <b>Tidak Buta Warna</b> |
| Pendengaran              | <b>Baik</b>             |
| ANGGOTA TUBUH BADAN      | <b>Baik</b>             |
| GAYA BERJALAN / BERKAWAD | <b>Baik</b>             |
| PEMERIKSAAN KECERGASAN   | <b>Baik</b>             |



### UJIAN PEMERIKSAAN

#### FIZIKAL DAN PANCAINDERA

|                          |                         |
|--------------------------|-------------------------|
| Tinggi                   | <b>1.55 m</b>           |
| Berat Badan              | <b>46 kg</b>            |
| Body Mass Index (BMI)    | <b>19-29</b>            |
| Dada Dalam Keadaan Biasa | <b>79 cm</b>            |
| Dada Tarik Nafas         | <b>84 cm</b>            |
| Penglihatan              | <b>Baik/Aras 3</b>      |
| Pengecaman Warna         | <b>Tidak Buta Warna</b> |
| Pendengaran              | <b>Baik</b>             |
| ANGGOTA TUBUH BADAN      | <b>Baik</b>             |
| GAYA BERJALAN / BERKAWAD | <b>Baik</b>             |
| PEMERIKSAAN KECERGASAN   | <b>Baik</b>             |

## UJIAN PEMERIKSAAN FIZIKAL, PANCAINDERA DAN KECERGASAN SPRM: PENOLONG PENGUASA GRED P29



- PsK Abdul Malek bin Abdullah, Ketua Penguji Zon Tengah: Kuala Lumpur A sedang memberi taklimat ringkas kepada calon.



- Antara ujian-ujian yang dijalankan bagi memilih calon Pegawai SPRM yang paling berkelayakan.

Bagi pengambilan Pegawai SPRM tahun 2018, Ujian Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera dan Kecergasan 2018 telahpun diadakan pada 5 hingga 10 Mac 2018 di seluruh Malaysia. MACA telah tersenarai sebagai Pusat Ujian Zon Tengah yang melibatkan calon-calon daripada sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Calon-calon yang lulus ujian fizikal telah disenarai pendek dan mara ke peringkat seterusnya.


Seramai 24 orang pegawai SPRM telah terlibat sebagai Ketua Penguji dan Penguji bagi ujian tersebut.



## KONVOKESYEN UKM KE-46 SARJANA SAINS SOSIAL (PENGAJIAN RASUAH) UKM-SPRM

Dalam usaha untuk menyebar luas mesej anti-rasuaht, MACA telah menjalin kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menghasilkan siswazah yang peka kepada perkembangan bentuk, pendekatan dan teknologi terkini berkaitan pencegahan rasuaht.

Pada 10 hingga 13 November 2018, graduan Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuaht) UKM-SPRM Sesi 2016/2017 telah menuai hasilnya apabila menerima ijazah masing-masing di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), Universiti Kebangsaan Malaysia sempena Majlis Konvokesyen Univerisiti Kebangsaan Malaysia yang ke-46.



❑ Antara penerima Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuaht) UKM-SPRM



❑ Barisan graduan Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuaht) UKM-SPRM yang telah menerima Skrol pada Majlis Konvokesyen UKM ke-46.



## SENARAI GRADUAN SARJANA SAINS SOSIAL (PENGAJIAN RASUAH) UKM-SPRM KONVOKESYEN UKM KE-46



Puan Haslinatul Ezma binti Ezahar



Puan Juriah binti Jalalus Shuti




Puan Nor Haslida binti Mohamed



Puan Norfazlin binti Mohamed Norulddin



Tuan Azizul bin Zahari



Tuan Mohd Nazim bin Mat Siam



Tuan Mohd Zamani bin Zainol



Tuan Noorsyam Hanum binti Sharip

## BENGKEL GARIS PANDUAN, MODUL PENGGUNAAN SENJATA API

Pada 5 hingga 16 Mac 2018, Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan, MACA telah menganjurkan Bengkel Garis Panduan, Modul Penggunaan Senjata Api yang melibatkan seramai 16 pegawai SPRM bertempat di Lapang Sasar PDRM Kampar, Perak.

Bengkel ini bertujuan mewujudkan serta mengemaskini garis panduan penggunaan senjata api serta membina modul penggunaan dan pengendalian senjata api dengan lebih cekap dan komprensif semasa latihan dan penugasan operasi SPRM. Peserta-peserta yang terpilih menyertai bengkel ini juga merupakan calon jurulatih yang menjadikan program ini sebagai platform persediaan petaulahan sebagai jurulatih penggunaan dan pengendalian senjata api kelak.

Di samping itu, pelaksanaan bengkel ini juga membolehkan SPRM mengenalpasti kekuatan dan kelemahan pegawai-pegawai SPRM secara amnya berkaitan dengan pengendalian senjata api sama ada ketika latihan ataupun operasi.



□ Penceramah membuat demonstrasi penggunaan senjata api.



□ Peserta program latihan mengabadikan memori bersama Pengarah Bahagian Keselamatan SPRM dan PsK Huzaimi bin Husain, Ketua Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan MACA.

## KURSUS PEMANDUAN BERHEMAH 2018

Di samping mempelajari teknik-teknik siasatan, intipan dan perundangan, pegawai-pegawai SPRM serta kakitangan lain di bawah naungan SPRM juga diberi pendedahan tentang Pemanduan Berhemah.

Program latihan ini dilaksanakan setiap tahun dan pada tahun 2018, ia telah diadakan pada 1 hingga 5 April 2018 di Maktab Teknik PDRM Muar, Johor. Penyertaan seramai 17 kakitangan dan pegawai yang berkhidmat dengan SPRM ini memberi peluang kepada mereka untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai etika pemanduan berhemah serta teknik-teknik pemanduan yang cekap, selamat dan selesa, terutamanya ketika melaksanakan tugas rasmi dengan membawa kenderaan jabatan.

Pada hari terakhir kursus, YBhg Dato' Haji Idris bin Zaharudin, Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia telah turun padang bagi merasmikan Majlis Penutup diiringi oleh PsK Huzaimi Bin Husain, Ketua Sekolah Pencegahan Rasuah & Pengurusan serta pegawai-pegawai kanan PDRM.



□ Sesi penyerahan plak MACA kepada wakil Komandan Maktab Teknik PDRM.



□ Peserta serta pegawai-pegawai PDRM bergambar kenangan dengan YBhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin, Pengarah MACA

## PROGRAM LATIHAN PREMIER TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP DEVELOPMENT



□ Para peserta khusuk mendengar ceramah.



□ Sesi fotografi sejurus selepas Majlis Perasmian Penutup yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ja'afar bin Mahad, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM.



Dalam usaha untuk melahirkan pemimpin yang berintegriti dan intelektual untuk pembangunan modal insan yang menjaditeras kepada kejayaan negara memerangi rasuah, program latihan *Premier Transformational Leadership Development* anjuran Pusat Kecemerlangan dan Kepimpinan SPRM (MLEC) telah dilaksanakan khusus untuk Pegawai-pegawai Kanan SPRM Gred JUSA C pada 25 September hingga 4 Oktober 2018 di MACA. Penyertaan program latihan kepimpinan ini juga menjadi tiket pengesahan lantikan ke Gred JUSA C bagi Pegawai Kanan SPRM yang menyertainya. Majlis Perasmian program latihan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Hj. Azam Bin Baki, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM.

Dalam program latihan ini, peserta ditekankan tentang kepentingan kepimpinan dalam menyokong kejayaan organisasi serta diperjelaskan tentang pendekatan berstruktur dalam memperkuuh dan mengekalkan kejayaan organisasi. Peserta turut dierkenalkan dengan teknik-teknik tertentu dalam menyelesaikan masalah dan memandu perubahan dan seterusnya mewujudkan satu pelan tindakan pembangunan peribadi untuk pembelajaran berterusan.

Program ini diakhiri dengan Majlis Perasmian Penutup yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Jaafar Bin Maahad, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) SPRM.

Di samping Program Latihan *Premier Transformational Leadership Development* untuk Pegawai Kanan SPRM Gred JUSA C, Pusat Kecemerlangan & Kepimpinan SPRM (MLEC) turut menganjurkan program *Performance Edge Leadership* untuk Pegawai Kanan Gred P54 dengan objektif yang hampir sama.

Program latihan ini telah diadakan pada 10 hingga 12 Julai 2018 di MACA dan disertai oleh seramai 15 orang peserta.



□ Pembentangan tugas oleh peserta Program Latihan *Performance Edge Leadership*.



□ Sesi pembelajaran bersama penceramah jemputan.

## PROGRAM LATIHAN PERFORMANCE EDGE LEADERSHIP



## SPRM BERKOLABORASI DENGAN UMCCED

### DAFTAR PELAJAR BAHARU PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA EKSEKUTIF PENGURUSAN (PENTADBIRAN DAN OPERASI)

Bagi menggalakkan pegawai SPRM membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, SPRM telah membuka ruang kepada pegawai-pegawaiannya untuk menyambung pengajian Diploma Eksekutif Pengurusan (Pentadbiran dan Operasi) di kampus-kampus terdekat University Malaya Centre For Continuing Education (UMCCed) seluruh Malaysia. Sesi pendaftaran telah diadakan pada 29 Julai 2018 di MACA.

Program pengajian selama 1 tahun 7 bulan ini disertai oleh seramai 25 orang pelajar yang akan menjalani sesi pembelajaran pada setiap Sabtu jam 9 pagi hingga 6 petang mulai 22 September 2018. Pelajar-pelajar ini akan menjalani pengajian di 3 kampus berbeza iaitu seramai 20 orang pelajar di Universiti Malaya Kampus Kuala Lumpur, 3 orang di Universiti Malaya Kampus Kota Bharu, manakala 2 orang pelajar lagi di Universiti Malaya Kampus Kulim, Kedah. Pelajar ambilan Ogos 2018 ini dijangka menamatkan pengajian pada Oktober 2020.



## BENGKEL TATACARA PENYEDIAAN MYPORTFOLIO



□ Sesi pembelajaran bersama P/PKPj Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah.



□ Sesi pembelajaran bersama penceramah.



□ Pegawai dan staf Pusat Pembangunan dan Integriti Korporat (CIDC) berbincang bersama untuk menghasilkan MyPortfolio.

Bengkel pada 26 hingga 28 September 2018 ini diadakan selaras dengan arahan terkini Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 4 Tahun 2018 berkenaan dengan "myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam".

myPortfolio adalah satu kaedah pengurusan ilmu yang memberikan penekanan kepada keupayaan minda setiap penjawat awam dalam kerangka organisasi. Ia juga berfungsi sebagai dokumen rujukan rasmi yang menghuraikan maklumat perwujudan jawatan, proses kerja dan panduan menjalankan tugas bagi jawatan tersebut dalam sesebuah organisasi. myPortfolio memperkenalkan 1 elemen baharu, memansuhkan 3 komponen dan menambah baik 7 aspek Fail Meja. Terdapat 10 komponen baharu myPortfolio meliputi maklumat yang perlu diketahui dan dirujuk oleh penjawat awam dalam melaksanakan tugas.

Ceramah telah disampaikan oleh P/PKPj Khairul Nurrahim Ashadi bin Abdullah daripada Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya kepada seramai 50 orang peserta bengkel terdiri daripada warga MACA. Semua peserta telah berjaya menghasilkan myPortfolio masing-masing di penghujung program.



## MESYUARAT DAN PERHIMPUNAN MACA 2018

Sempena Seminar Pengukuhan MACA 2018, Pihak Pengurusan MACA telah bersetuju untuk mengendalikan 3 sesi mesyuarat secara berterusan iaitu Mesyuarat Pembentangan Prestasi Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) MACA 2018, Mesyuarat Penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Tahun 2019 dan Mesyuarat Pengurusan MACA pada 2 hingga 4 November 2018 bertempat di Amverton Heritage Resort, Ayer Keroh, Melaka.

Perhimpunan suku tahun ke 4 MACA turut diadakan bagi menyampaikan amanat Pengarah MACA dalam usaha untuk mempertingkatkan prestasi warga MACA bagi tahun 2019.

Pelaksanaan mesyuarat ini diharapkan dapat mengukuhkan lagi nilai kekitaan dan mempertingkatkan mutu kerja di kalangan pegawai dan kakitangan MACA agar organisasi dapat mencapai kualiti yang diinginkan.




□ Sesi perbincangan dua hala di antara Pihak Pengurusan MACA dan wakil pusat dan sekolah MACA.



□ Pengarah, pegawai dan staf MACA yang menyertai program di Melaka.

## PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT PEGAWAI & KAKITANGAN SPRM SENARAI UNIVERSITI & BILANGAN PERMOHONAN SAMBUNG BELAJAR



## PANEL JAWATANKUASA CARIAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN SPRM (JCLPS)



## KURSUS CERTIFIED TRAINING PROFESIONAL (CTP) BINA KEYAKINAN PENCERAMAH MACA

MACA dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk melatih dan memantapkan penceramah dan tenaga pengajar SPRM. Tenaga pengajar tersebut yang asalnya tidak memiliki apa-apa pengiktirafan dan pentaulahan sebagai penceramah daripada mana-mana pihak telah diberi pendedahan melalui pendekatan learning and design menggunakan kepakaran tenaga pakar luar bagi memberi pengiktirafan *Certified Training Profesional (CTP)* kepada seramai 21 tenaga pengajar SPRM yang menyertainya bermula 22 Mei hingga 8 Jun 2018.

Melalui program *Certified Training Profesional (CTP)* ini, mutu dan kualiti penyampaian tenaga pengajar SPRM akan lebih diyakini bukan sahaja di peringkat tempatan malahan antarabangsa. Program CTP ini dikendalikan oleh tenaga pengajar master trainer daripada ITD World. Selain itu, program CTP ini penting bagi memastikan mutu dan kualiti tenaga pengajar di MACA mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak NTU bagi mengendalikan program Akreditasi Latihan Asas Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies dan Post Graduate Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership.

Sijil Pentaulahan telah dikeluarkan oleh ARTDO International dengan kolaborasi Institute Training and Development (ITD) World yang merupakan penyedia pembangunan latihan di rantau Asia, Eropah dan Amerika Syarikat. Pensijilan ITD diiktiraf di bawah ISO 9001:2001 (*Certification for Global Provision of Training and Development*).



□ Sebahagian peserta yang menyertai kursus CTP.



□ Para peserta yang telah menerima sijil pengiktirafan masing-masing.

## KURSUS CERTIFIED COACHING & MENTORING PROFESIONAL (CCMP) GILAP PEMIMPIN DALAM KALANGAN PEGAWAI SPRM

Pemimpin yang cekap dan berkesan adalah pemimpin yang mampu melatih dan membangunkan kakitangan di bawahnya untuk bertindak dan menghasilkan keputusan-keputusan yang bernes dan berwibawa. Apabila seorang pemimpin mampu membangunkan orang lain, secara tidak langsung, mereka sebenarnya membangunkan diri sendiri dan usaha ini pastinya menjadi nilai tambah kepada organisasi.

Demi mencapai hasrat tersebut, MACA menyediakan Kursus *Certified Coaching and Mentoring Profesional (CCMP)* pada 3 hingga 21 September 2018 bagi memperkuuhkan kewibawaan 5 pegawai SPRM terpilih.

Program kendalian ITD World ini memberi pengiktirafan “*Certified Coaching and Mentoring Profesional*” (CCMP) kepada pesertanya dan sijil pentaulahan CCMP adalah diiktiraf oleh *International Coach Federation (ICF)*.



□ Sebahagian peserta yang menyertai kursus CCMP.



## BENGKEL PEMBANGUNAN PATEN DAN HAK CIPTA MACA

Proses untuk mempaten dan menghakcipta merupakan satu proses yang panjang dan rumit. Ia memerlukan pengetahuan mendalam dan panduan yang bersesuaian daripada pihak yang berkaitan. MACA sebagai sebuah Institut Latihan Awam yang sememangnya mempunyai pelbagai produk Program Latihan berbentuk pencegahan rasuah amat memerlukan pengiktirafan paten dan hakcipta bagi modul-modul latihan sedia ada bagi memelihara produk hak milik MACA untuk kesinambungan masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, satu bengkel bertajuk Pembangunan Paten Dan Hak Cipta MACA telah dianjurkan pada 16 Januari 2018 bertujuan untuk memahami kepentingan mempaten dan menghakcipta produk MACA. Selain itu, program tersebut juga membolehkan peserta menilai dan mempelajari aliran kerja untuk mempaten dan menghakcipta sesuatu produk. Ceramah telah disampaikan oleh Encik Noor Aliff bin Musa, Penolong Pengarah, Bahagian Hakcipta, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Pelaksanaan bengkel ini amat penting bagi membolehkan pegawai-pegawai MACA lebih memahami proses-proses yang perlu dilalui untuk mendapatkan pengiktirafan paten dan hakcipta, terutamanya bagi modul-modul latihan MACA sedia ada yang sedang dalam proses pendaftaran hakcipta dan paten oleh MyIPO dan juga produk-produk lain pada masa hadapan.



□ Encik Noor Aliff bin Musa sedang menyampaikan taklimat berkenaan hak cipta.



## PEMBENTANGAN HASIL KAJIAN BERKAITAN SPRM OLEH MR. KIM SU HWAN

- Mr Kim Su Hwan, Pegawai Sangkutan (Attachment Officer) daripada Anti-Corruption & Civil Rights Commission, Korea Selatan.

Satu sesi pembentangan hasil kajian berkaitan SPRM kepada YBhg. Dato' Ja'afar bin Mahad, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM oleh Mr. Kim Su Hwan, Pegawai Sangkutan (Attachment Officer) daripada Anti-Corruption & Civil Rights Commission, Korea Selatan dengan kehadiran Y.Bhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin, Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah diadakan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya pada 9 Julai 2018. Sebelum itu, hasil kajian tersebut telah dibentangkan kepada ketua pusat dan sekolah MACA pada 4 Julai 2018.

Kajian bertulis tersebut merupakan hasil penyelidikan dan permerhatian Mr Kim Su Hwan sepanjang keberadaan beliau di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) sejak 28 Julai 2016 hingga Jun 2018 yang memberi tumpuan kepada dasar latihan dan amalan terbaik yang dilaksanakan oleh SPRM menurut pandangan beliau. Hasil kajian tersebut akan dibentang kepada pihak ACRC sebagai salah satu cadangan pembaharuan model pelaksanaan latihan bagi ACRC kelak.

Manakala pada 13 Julai 2018, beliau telah diraikan dalam satu Majlis Perpisahan yang diadakan di Kafeteria MACA. Y.Bhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin telah menyerahkan cenderahati kepada Mr. Kim Su Hwan sebagai tanda kenangan dan berharap agar kerjasama yang terjalin ini akan mengukuhkan hubungan dua hala di antara kedua-dua agensi demi untuk membanteras isu-isu berkaitan rasuah di peringkat global serta berkongsi kepakaran dalam bidang yang sama.

- Mr Kim menyampaikan cenderahati kepada YBhg. Dato' Ja'afar bin Mahad, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM sambil disaksikan oleh YBhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin, Pengarah MACA dan PsK Abdul Malek bin Abdullah, Ketua Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Korporat MACA.



- Mr Kim Su Hwan sedang membentangkan hasil kajian beliau kepada Ketua-ketua Pusat dan Sekolah MACA.



- Gambar kenangan Mr Kim Su Hwan bersama Ketua-ketua Pusat dan Sekolah MACA.



- Y.Bhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin menyampaikan cenderahati kepada Mr. Kim Su Hwan pada Majlis Perpisahan di Kafeteria MACA.

## LAWATAN AGENSI DAN JABATAN LUAR KE MACA 2018



**2 March 2018**

Perjumpaan Membincangkan Pewujudan Jalinan Kerjasama Antara Akademik Pencegahan Rasuah Malaysia [MACA] dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)



**19 Mac 2018**

Lawatan Kerja Seksyen Regulatori, Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB)



**9 Mac 2018**

Kunjungan Hormat United Nation Asia & Far East Institute (UNAFEI) dan Japan International Cooperation Agency (JICA).



**Siri 1 - 10 April 2018  
Siri 2 - 26 Jun 2018  
Siri 3 - 12 Julai 2018**

Lawatan Sambil Belajar KWSP Siri 1,2,3



**16 April 2018**

Lawatan Kerja YBhg. Dato' Ja'afar bin Mahad, Timb Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) SPRM



**26 April 2018**

Lawatan Kerja Independent Commission Against Corruption (ICAC) Hong Kong



**2 Julai 2018**

Kunjungan Hormat Crown Agents United Kingdom, diketuai oleh Mr. Tim Runacre



**18 April 2018**

Lawatan Kerja dan Taklimat National Anti-Corruption Commission (NAZHA) Kuwait



**27 Ogos 2018**

Lawatan Sambil belajar TI- Cambodia

## PAMERAN MACA 2018



Pameran sempena  
Program GERAH Majlis  
Perbandaran Selayang,  
Selangor

13 Februari 2018



Pameran sempena  
Ujian Fizikal,  
Pancaindera &  
Kecergasan P29  
SPRM 2018

5 hingga 9 Mac 2018



Pameran sempena  
Seminar "Gearing up  
for Corporate Liability"  
di PICC Putrajaya

10 Oktober 2018


## PENGURUSAN

## KEWANGAN

### PERUNTUKAN MENGURUS 2014 HINGGA 2018




### PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS 2018



## PERJAWATAN MACA

Berdasarkan Waran Perjawatan A198 tahun 2016, terdapat sejumlah 128 perjawatan yang merangkumi pegawai SPRM dan pegawai gunasama pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 114 jawatan telah diisi yang menyumbang sebanyak 89.1% dan terdapat sebanyak 14 kekosongan pada tahun 2018.

### PERJAWATAN MACA BAGI TAHUN 2018




## FASILITI MACA

MACA merupakan salah sebuah pusat latihan yang diiktiraf sebagai institut latihan awam dan mempunyai fasiliti yang mampu memenuhi keperluan peserta-peserta program latihan dan warga MACA.

### KATEGORI ASRAMA MACA



### TEMPAHAN ASRAMA MACA



### TEMPAHAN DEWAN KULIAH MACA

| BULAN     | FASILITI  | PENGguna   |
|-----------|---|--|
| JANUARI   | Dewan Kuliah Terengganu<br>Dewan Kuliah Perak<br>Makmal Komputer                        | Jabatan Kesihatan<br>Jabatan Perpaduan Negara dan<br>Integrasi Nasional  |
| FEBRUARI  | Dewan Kuliah Kedah<br>Dewan Kuliah Pulau Pinang   | Universiti Malaya<br>Jabatan Kerja Raya  |
| MAC       | Dewan Kuliah Perak<br>Dewan Kuliah Kedah<br>Dewan Tun Ismail                            | Jabatan Kesihatan Negeri Selangor<br>Yayasan Anti Rasuah Malaysia<br>ACelo   |
| APRIL     | Dewan Kuliah Kedah  | Yayasan Anti Rasuah Malaysia   |
| MEI       | Dewan Kuliah Sarawak<br>Dewan Tun Ismail  | Yayasan Anti Rasuah Malaysia<br>FGV  |
| JUN       | Makmal Komputer<br>Dewan Kuliah Perak   | Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan<br>Kuala Lumpur<br>Kementerian Pendidikan Malaysia  |
| JULAI     | Dewan Kuliah Terengganu<br>Dewan Kuliah Terengganu<br>Dewan Kuliah Sarawak & Terengganu | Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan<br>Kuala Lumpur<br>Yayasan Anti Rasuah Malaysia<br>Yayasan Anti Rasuah Malaysia            |
| OGOS      | Dewan Kuliah Sarawak  | Yayasan Anti Rasuah Malaysia   |
| SEPTEMBER | Dewan Kuliah Kedah & Pulau Pinang<br>Makmal Komputer<br>Makmal Komputer                 | Yayasan Anti Rasuah Malaysia<br>Jabatan Pendidikan Wilayah Sentul<br>Kuala Lumpur<br>Lembaga Pertubuhan Peladang                 |
| OKTOBER   | Dewan Kuliah Perak<br>Dewan Kuliah Sarawak<br>Makmal Komputer<br>Dewan Kuliah Pahang    | Yayasan Anti Rasuah Malaysia<br>Polis Diraja Malaysia Bukit Aman<br>Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan<br>Johor Corporation |
| NOVEMBER  | -   | Tiada  |
| DISEMBER  | -   | Tiada  |

## MAKMAL KOMPUTER

### TEMPAHAN MAKMAL KOMPUTER MACA

#### BULAN

#### PENGGUNAAN MAKMAL KOMPUTER

JANUARI

1. Kursus Pengendalian Dron
2. Kursus 12 Analyst Notebook oleh Jabatan Perisikan SPRM
3. Malaysian Digital Antarabangsa (PPA)

FEBRUARI

1. Tiada Penggunaan

MAC

1. Sesi Pembelajaran End User Training System E-perolehan Baharu/ Modul Sebutharga

APRIL

1. Tiada Penggunaan

MEI

1. Kadet P29 Siri 23

JUN

1. Kadet P29 Siri 23

JULAI

1. Kadet P29 Siri 23

OGOS

1. Kadet P29 Siri 23

SEPTEMBER

1. Taklimat Pengumpulan Data (Bitdata) Anjuran Pejabat Pendidikan Sentul
2. Kadet P29 Siri 23

OKTOBER

1. Bengkel Pakej Standart Baharu Mygovuc 2018 oleh Jabatan Agama Islam
2. Kadet P29 Siri 23

NOVEMBER

1. Kadet P29 Siri 23

DISEMBER

1. Kadet P29 Siri 23

## FASILITI MACA




MAKMAL KOMPUTER



PERPUSTAKAAN



DEWAN TUN ISMAIL



VIDEO INTERVIEWING ROOM (VIR)



GYMNASIUM



DEWAN KULIAH



MOOT COURT



KAFETERIA



SURAU



ASRAMA



GALERI

## PENAMBAHBAIKAN RANGKAIAN INTERNET DI AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

### 1GOVNET



Pada 5 April 2018, GITN Sdn Bhd yang merupakan penyedia rangkaian rasmi e-government telah menaiktaraf talian 1GovNet dari ‘*dedicated line*’ mbps ke 30 mbps di MACA Fasa I. Penaiktarafan ini adalah berdasarkan aduan penggunaan yang tinggi oleh pengguna. Untuk makluman, talian ini diutamakan bagi penyambungan ke rangkaian atau perkhidmatan atas talian e-government seperti ePerolehan, 1GFMAS dan sebagainya.



## UNIFI BUSINESS PLAN 100 MBPS

Unit Teknologi Maklumat MACA juga telah mengemukakan kertas cadangan untuk menambah talian Internet menggunakan servis UNIFI Business Plan 100 mbps pada bulan Julai 2018. Talian UNIFI Business Plan 100 mbps ini adalah satu inisiatif penambahbaikan rangkaian bagi mengelakkan dari bebanan yang tinggi pada talian 1GovNet dedicated line 30mb yang sedia ada di MACA. Permohonan ini juga telah mendapat sokongan Cawangan Infrastruktur dan Teknologi Maklumat (CITM), Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat, Ibu Pejabat SPRM dan kemudiannya diluluskan dan dilaksanakan penggunaannya pada 3 September 2018.



## LAWATAN PENANDA ARASAN KE PERPUSTAKAAN UTAMA UNIVERSITI MALAYA DAN PERPUSTAKAAN TAN SRI PROFESSOR AHMAD IBRAHIM, FAKULTI UNDANG-UNDANG UNIVERSITI MALAYA.



Dalam usaha untuk menaik taraf Perpustakaan MACA, satu sesi lawatan penanda arasan ke Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur telah diadakan pada 1 Mac 2019 dan disertai oleh seramai 10 orang pegawai dan kakitangan MACA yang diketuai oleh KPKPj Ismajuri bin Ismail, Timbalan Pengarah (Pengurusan) MACA.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk menjalankan kerjasama di antara perpustakaan MACA dengan Perpustakaan UM bagi berkongsi maklumat, pandangan dan pengalaman berkaitan pengurusan dan penyelenggaraan perpustakaan.

Dalam program tersebut, Encik Mahbob bin Yusof, Pemangku Ketua Pustakawan telah bersetuju untuk membantu memberi khidmat nasihat untuk menaik taraf Perpustakaan MACA selain bersetuju untuk mengadakan usahasama dari segi pinjaman bahan bacaan antara perpustakaan (*Inter Library Loan*). Selain itu, pihak Perpustakaan UM juga bersetuju untuk bekerjasama dari segi teknikal berhubung Sistem Perpustakaan Bersepadu (KOHA MACA) yang sedang digunakan oleh perpustakaan MACA buat masa ini.

Pihak Perpustakaan UM juga bersedia untuk membuka ruang kepada pegawai kadet SPRM yang sedang menjalani latihan dalam Program Profesional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies untuk menggunakan fasiliti Perpustakaan di UM sekiranya perlu.

Justeru, pada 29 September 2018, seramai 130 orang Pegawai Kadet SPRM telah melawat Perpustakaan Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim, Fakulti Undang-Undang UM. Selain bahan rujukan bercetak, Pegawai Kadet SPRM juga telah berpeluang mendapatkan bahan rujukan serta maklumat berkaitan perundungan secara online bagi memenuhi kehendak modul pembelajaran dengan menggunakan sistem Lexis Nexis yang terdapat di sana.



## TAKLIMAT PORTAL U- PUSTAKA



Dalam proses transformasi negara untuk menjadi masyarakat berpengetahuan secara inklusif, perkhidmatan penyampaian maklumat yang inovatif telah memberi laluan kepada sumber pengetahuan, seterusnya menggalakkan pengalaman pembelajaran sepanjang hayat pada bila-bila masa dan di mana sahaja bagi meningkatkan kualiti kerja dan kualiti hidup secara berterusan.

Era k-ekonomi membawa berita baik bagi dunia penyelidikan dan kesarjanaan untuk mendapatkan akses tanpa sempadan kepada koleksi keilmuan yang meluas buat sesiapa sahaja, pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada dengan hanya dihujung jari melalui laman web [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my). Bagi memberi kefahaman kepada Pegawai Kadet SPRM tentang kepentingan dan Peranan u-Pustaka dalam konteks pembangunan, perpaduan negara dan daya saing global untuk mana-mana negara, Pn. Noor Hasni binti Abdul Rahim, Penolong Pustakawan MACA telah menyampaikan taklimat pada 23 Oktober 2018.

Taklimat tersebut menjelaskan tentang maklumat-maklumat yang dapat diakses menggunakan U-Pustaka dengan perluasan perkhidmatan jalur lebar serta teknologi dan kandungan portal. Selain itu, beliau turut menerangkan tentang perkhidmatan pinjaman secara terus, perkhidmatan penghantaran, perkhidmatan pembayaran secara elektronik, dan akses bahan bacaan dan rujukan secara maya.

## PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

Program Jom Baca Bersama 10 Minit sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia telah mendapat sambutan menggalakkan daripada pegawai dan kakitangan MACA. Program yang diadakan pada 24 April 2018 ini mempunyai matlamat yang jelas untuk mendorong dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca dalam kalangan pegawai dan kakitangan MACA serta menanam budaya cintakan buku walau di mana sahaja mereka berada.

Bagi menjayakan acara, Perpustakaan MACA telah mengambil inisiatif membuat hebatan awal di dalam emel dan laman sosial Facebook Perpustakaan MACA agar semua pegawai dan kakitangan MACA cakna mengenai program ini. Sebagai pengisian selama 10 minit tersebut, bahan bacaan ringan seperti majalah dan novel yang santai telah dipilih sebagai bahan bacaan warga MACA.

Selain itu, bagi menjadikan program tersebut lebih menarik dan interaktif, satu pertandingan video pendek yang memaparkan aktiviti pembacaan dalam kalangan warga MACA telah diadakan. Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Korporat (PRCC) telah memenangi pertandingan tersebut apabila memuat naik video pendek berkonsepkan “mannequin”.

Program ini akan diteruskan pada masa akan datang dengan penglibatan yang lebih menyeluruh oleh warga MACA dalam usaha memupuk dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan budaya membaca dalam pembentukan masyarakat yang maju dan berilmu.



## PEMASANGAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI PREMIS MACA FASA II



Bagi memantau keselamatan MACA, permohonan baru bagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di Premis MACA Fasa II yang meliputi kawasan asrama dan Pusat Sekretariat Akreditasi telah dibuat dan diluluskan pada November 2018.

Kerja-kerja pemasangan 41 unit CCTV ini telah mengambil masa selama 2 minggu. Pemasangan CCTV ini diharap memudahkan anggota Unit Keselamatan untuk mengawasi dan mengenalpasti sebarang insiden atau pelanggaran keselamatan dengan lebih cekap dan berkesan. Ia juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan bagi membuktikan kesalahan yang dilakukan oleh pihak yang terlibat dan secara tidak langsung memudahkan tindakan susulan diambil.

Selain itu, pemasangan CCTV ini dapat melindungi individu dan aset yang ada di dalam premis MACA daripada mengalami gangguan ataupun kerosakan dengan amaran awal yang diperolehi daripada pemantauan melalui CCTV.

Setelah kesemua CCTV siap dipasang, Pengarah MACA, YBhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin telah turun melawat tapak premis Fasa II untuk melihat sendiri hasil kerja kontraktor yang telah dilantik dan beliau ternyata berpuas hati dengan kerja-kerja pemasangan tersebut.



## PEMANTAUAN PERIMETER KAWASAN BERPAGAR MACA

Aktiviti pemantauan perimeter kawasan berpagar MACA merupakan tugas rutin bulanan yang dijalankan oleh anggota daripada Unit Keselamatan MACA. Pada 23 Februari 2018, aktiviti ini telah disertai oleh YBhg Dato' Haji Idris bin Zaharudin, Pengarah MACA bersama 15 orang pegawai serta kakitangan untuk menyaksikan sendiri dan mengetahui selok-belok kawasan sekitar MACA. Rondaan bermula pada jam 2.30 petang dan selesai pada jam 5.30 petang.

Objektif utama tugas ini dilaksanakan adalah untuk memastikan keseluruhan pagar jenis "chain link" berada dalam keadaan yang baik dan sekiranya terdapat ancaman atau pelanggaran keselamatan yang berlaku, tindakan susulan dapat diambil dengan segera bagi mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini berlaku.

Selain berpeluang mengetahui dengan lebih teliti mengenai kawasan sekitar MACA, pegawai dan kakitangan yang terlibat dapat memahami dengan lebih mendalam tentang bidang tugas serta aspek-aspek keselamatan yang perlu diambil cakna untuk kesejahteraan bersama.



# KELAB KEBAJIKAN & REKREASI MACA / PUSPANITA

## IFTAR RAMADHAN 1439H

Seperti lazimnya, Majlis Iftar Ramadhan diadakan bagi meraikan anak-anak yang kurang bernasib baik di sekitar Lembah Klang dengan berbuka puasa bersama-sama warga MACA dan keluarga.

Pada 31 Mei 2018 majlis tersebut telah dianjurkan bersama oleh Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA, PUSPANITA Cawangan MACA dan Jawatankuasa Surau Al-Ghazali MACA. Majlis dimulai dengan tazkirah bertajuk “Mengejar Lailatul Qadar” yang disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Salahuddin Al Ayubbi Bin Hj Disa.

Sebelum berbuka puasa, satu sesi penyampaian sumbangan buat anak-anak yatim dan asnaf dari Sekolah Kebangsaan Sungai Tua Baharu, Selayang oleh Pengurus Puspanita MACA, YBhg Datin Hjh Mas'amah binti Ibrahim telah diadakan.

Pelbagai juadah dihidangkan hasil sumbangan persatuan dan individu untuk memperoleh berkat Ramadhan yang mulia. Usai berbuka puasa, warga MACA dan keluarga seterusnya menuaikan Solat Isyak dan Solat Sunat Tarawikh berjemaah di Surau Al-Ghazali, MACA.



□ Ustaz Salahuddin Al Ayubbi Bin Hj Disa sedang menyampaikan ceramah bertajuk “Mengejar Lailatul Qadar”.



□ Anak-anak yatim dan asnaf Sekolah Kebangsaan Sungai Tua Baharu, Selayang bersalaman dengan YBhg. Dato' Hj Idris bin Zaharudin, Pengarah MACA.



□ Solat Isyak dan Solat Sunat Tarawikh berjemaah di Surau Al-Ghazali, MACA.



□ Majlis Berbuka Puasa bersama anak-anak yatim dan asnaf Sekolah Kebangsaan Sungai Tua Baharu, Selayang.



□ Sesi bergambar YBhg. Dato' Hj Idris bin Zaharudin dan isteri bersama guru-guru serta anak-anak yatim dan asnaf Sekolah Kebangsaan Sungai Tua Baharu, Selayang.

## AKTIVITI KEBAJIKAN UNTUK WARGA MACA

Di samping melaksanakan tugas pokok di pejabat, Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA (Kelab MACA) serta PUSPANITA Cawangan MACA memainkan peranan penting dalam menjaga kebajikan warga MACA seluruhnya. Aktiviti-aktiviti kebajikan yang dirancang bertujuan untuk menerapkan rasa simpati, empati, kasih sayang, keprihatinan dan menjadi penüp semangat kepada ahli-ahli Kelab MACA dan PUSPANITA yang ditimpa musibah.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Biro Kebajikan Kelab MACA dan PUSPANITA ialah program menziarahi ahli atau keluarganya serta menghulurkan sumbangan ikhlas kepada ahli yang ditimpa musibah.

Selain itu, Biro Kebajikan Kelab MACA dan PUSPANITA turut meraikan ahli-ahli yang mendirikan rumah tangga, menimang cahaya mata dan menyambut hari lahir. Ahli-ahli yang bakal bersara turut diraikan sebagai mengenang jasa yang telah dicurahkan kepada organisasi selama ini.



## SUMBANGAN KELAHIRAN CAHAYA MATA



## SUMBANGAN KEMASUKAN KE WAD HOSPITAL

## SAMBUTAN HARI LAHIR PEGAWAI DAN STAF MACA



## MAJLIS MAKAN MALAM “THE MAN IN BLACK AND THE GREEN LADY WITH SHADES 2018”

Majlis Makan Malam bersama semua warga MACA dan ahli keluarga ini merupakan acara tahunan anjuran Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA. Pada 3 November 2018 bertempat di Hotel Amverton Heritage, Ayer Keroh, Melaka, majlis tersebut telah berlangsung meriah bertemakan “The Man In Black and The Green Lady With Shades”.

Program seperti ini menzahirkan penghargaan oleh Pihak Pengurusan MACA terhadap sumbangan dan komitmen warga MACA dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2018. Selain itu, ia juga menyediakan ruang kepada warga MACA dan keluarga untuk saling mengenali dan beramah mesra di samping berpeluang meluangkan masa bersama keluarga.

Majlis bertambah seri dengan kehadiran YBhg. Dato' Hj Idris bin Zaharudin, Pengarah MACA dan keluarga.



*Majlis Makan  
Malam*



## EKSPEDISI PENDAKIAN GUNUNG BALING

Ekspedisi pendakian Gunung Baling di Baling, Kedah anjuran bersama Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA (Kelab MACA) dan PUSPANITA Cawangan MACA telah diadakan sempena Hari Malaysia 2018 pada 16 September 2018.

Pasukan ekspedisi seramai 16 orang pegawai dan kakitangan MACA memulakan pendakian Gunung Baling bermula pada jam 4.30 pagi. Meskipun berhadapan dengan cuaca hujan dan trek pendakian yang basah dan licin, kesemua pasukan pendaki MACA akhirnya berjaya menawan puncak Gunung Baling dalam tempoh 2 jam 30 minit.

Pemandangan indah sekitar gunung Baling yang diselaputi kabut pagi dan saujana mata memandang menghilangkan lelah pendakian yang ternyata amat mencabar. Pasukan pendaki selamat tiba di kaki pergunungan pada jam 10.30 pagi.

Program seperti ini ternyata membina semangat kerjasama berpasukan dan interaksi yang menyeluruh. Selain itu, program ini juga mampu melatih ketahanan mental dan fizikal peserta bagi menempuh segala cabaran yang dihadapi.



## PROGRAM PENDAKIAN BUKIT SENALING



Program ini merupakan program anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi SPRM. Sebagai tanda sokongan, Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA serta PUSPANITA Cawangan MACA telah menghantar pasukan seramai 6 orang untuk menyertai program tersebut yang berlangsung pada 27 Oktober 2018 di Bukit Senaling, Daerah Senaling, Negeri Sembilan.

Bukit Senaling terkenal dengan “awan karpet” yang merujuk kepada gugusan awan putih yang menyelimuti gunung-ganang di sekitar bukit tersebut yang dapat dilihat dari puncak Bukit Senaling sebelum terbitnya fajar.



## PROGRAM “GREEN DAY AND FRUIT MANIA”

Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA, telah mengadakan program “Green Day & Fruit Mania” bertempat di perkarangan Pusat Sekretariat Akreditasi (ASC) MACA pada 14 Februari 2018. Program yang diadakan secara santai tersebut telah diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato’ Hj Idris Bin Zaharudin, Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia.

Setiap Pusat dan Sekolah diwajibkan mananam pohon-pohon buah-buahan bersama-sama sebagai simbolik kesepakatan dan kekitaan. Ahli KELAB MACA kemudiannya dijamu dengan Raja Buah iaitu Durian serta buah-buahan tempatan yang lain.



## KELAB MACA DAN PUSPANITA MENJANA EKONOMI

Biro Ekonomi KELAB Kebajikan dan Rekreasi MACA (KELAB MACA) dan PUSPANITA Cawangan MACA telah berusaha keras untuk menjana ekonomi persatuan masing-masing bagi membolehkan program-program yang dirancang dapat dilaksanakan tanpakekangan kewangan.

## CAFE KELAB MACA




Sejak tahun 2017, KELAB MACA telahpun menyediakan ruangan Cafe’ KELAB MACA yang menjadi medan jualan sarapan pagi seperti nasi lemak, nasi dagang, nasi kerabu, nugget, sosej, sandwich, burger dan lain-lain oleh ahli KELAB. Terdapat juga mesin air minuman panas dan sejuk layan diri (vending machine) di ruangan tersebut. Perniagaan tersebut diteruskan lagi pada tahun 2018. Selain itu, sebuah kedai mini KELAB MACA yang menjual makanan dan minuman seperti air kotak, makanan ringan, mi segera dan sebagainya serta bahan keperluan asas seperti sabun mandi, syampu, ubat gigi dan pelbagai lagi telah dibuka untuk memenuhi keperluan Pegawai Kadet SPRM yang menjalani latihan asas di MACA.

## JUALAN BULANAN SEMPENA HARI GAJI

Di samping itu, KELAB MACA juga telah menganjurkan Jualan Bulanan sempena hari gaji yang menyaksikan pelbagai gerai jualan dibuka berhampiran dengan Cafe’ KELAB MACA. Antara gerai yang mendapat sambutan ialah gerai jualan pelbagai jenis roti dan kek, gerai buah-buahan, gerai air dan gerai jualan tudung trend terkini. Program ini juga mendapat kerjasama daripada PUSPANITA Cawangan MACA yang turut membuka gerai jualan yang memberi ruang kepada ahlinya untuk berniaga.





## GERAI JUALAN HARIAN PUSPANITA

PUSPANITA Cawangan MACA juga tidak ketinggalan untuk menjana ekonomi dengan mempertingkatkan jualan harian makanan ringan di gerai jualan PUSPANITA berhampiran Cafe' KELAB MACA.

## JUALAN SEMPENA UJIAN PEMERIKSAAN FIZIKAL, PANCAINDERA DAN KECERGASAN 2018



KELAB MACA dan PUSPANITA Cawangan MACA turut berganding bahu mengadakan jualan sempena Ujian Fizikal yang julung-julung kali diadakan di MACA. Pelbagai pilihan makanan dan minuman dijual di ruang Cafeteria MACA untuk pelawat-pelawat yang hadir menemani calon-calon Ujian Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera dan Kecergasan pada 5 hingga 10 Mac 2018.

## IMBASAN



## Majlis Santai & Minum Petang

20 Julai 2018





*Hari  
Keluarga  
MACA 2018*

*2-4 November 2018*



*Sesi Ceramah  
dan Pemeriksaan Gigi*

*10 April 2018*





*Hi-Tea  
Puspanita 2018  
Bertemakan  
Retro  
12 Disember 2018*



*Pasukan Wanita  
SPRM yang Disertai  
Staf Maca  
Juara Kejohanan  
Bola Tampar  
Antara Agensi  
JPM 2018*

*29 September 2018*



*Sambutan Hari Kebangsaan  
yang ke-61 Tahun 2018*

31 Ogos 2018



*Penyerahan Bursari  
Pelajar Yayasan  
Prihatin SPRM*  
4 Januari 2018



*Majlis Paluan Berundur  
TKPj Dato Sri Mohd Jamidan Abdullah  
22 Januari 2018*



*Program  
Jom Ngombe  
2018  
14 Disember 2018*



## SIDANG REDAKSI LAPORAN TAHUNAN MACA 2018



P/PKPj Irawan bin Khairi  
 PsK Abdul Malek bin Abdullah  
 P/PsK Firdaus bin Umar@Adli  
 P/Ps Wan Mohd Syukri bin Wan Ahmad  
 Pn Norul Hazlina binti Mohamed Atar  
 Pn. Ayunawati Aminah binti Abdul Majid  
 PPs (K) Nur Shahida Azlin binti Mohamad Dee  
 En. Mohd Shahril Izwan bin Jamaluddin  
 Pn. Noor Hayati binti Yusoff  
 Pn. Suryana binti Sulaihin  
 Pn. Hairulnisak binti Kassim  
 En. Saidin Omar bin Muchlis

## AHLI JAWATANKUASA PELAPORAN LAPORAN TAHUNAN MACA 2018



Ps Normiriatti binti Haini  
 PKPs Arlina binti Ali  
 PKPs Razmy bin Zulkifli  
 PPs Mohd Yasri bin Yahya  
 PPs Noorhusnaini binti Md Hilmi  
 PPs Nor Muhammad Syafiq bin Abdul Aziz  
 PPs Delyvinder Singh a/l Jasvir Singh  
 PPs Nik Asiah binti Nik Omar  
 PPs Soffi Azwa binti Mohd Noor  
 En. Kamarul Haizad bin Othman  
 Cik Nudra Syafini binti Abdul Munir  
 Pn Wan Sabrina binti Wan Ibrahim



## MALAYSIA ANTI-CORRUPTION ACADEMY



### AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin,  
Off Jalan Tuanku Abdul Halim,  
50480, Kuala Lumpur.

603-62092800

603-62016197

info.maca@sprm.gov.my

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

[www.sprm.gov.my/maca](http://www.sprm.gov.my/maca)

© Hak Cipta Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)

Hak Cipta ini adalah milik Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada MACA. MACA menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran MACA. Adalah perlu untuk memaklumkan penggunaan. Hak Cipta terpelihara.